

**1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET)**

---

**SHAH ALAM, 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 3.00 petang**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrolrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani  
**Pelapor Perbincangan**

\

**1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Selamat petang dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Keempat Belas pada 1 November 2019 dimulakan dengan bacaan doa dan proklamasi.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN :**

- i. Bacaan Doa
- ii. Proklamasi

OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara (70) Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam Warta memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara (70) Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 1 November 2019, 4 November hingga 8 November 2019 dan 11 November hingga 14 November 2019 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Keempat Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 11 hari bulan September 2019.

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Salam sejahtera dan selamat datang sugeng rawuh kepada Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, Pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu lagi dalam Bertemu lagi dalam Mesyuarat Ketiga Dewan yang mulia ini bagi Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan 13(1) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, bacaan Rang Undang-Undang Perbekalan 2020 akan dibacakan selepas sesi Pertanyaan-pertanyaan. Namun begitu, pada hari ini, Rang Undang-undang Perbekalan 2020 akan dibacakan terlebih dahulu. Perkara ini telah dimohon oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan saya mengizinkan.

Tanpa melengahkan masa, sekarang saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada petang ini. Silakan.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat:-

- 1) Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2019
  - Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2020
  - Rang Undang-Undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2019
- 2) Kertas Mesyuarat Bilangan 20 Tahun 2019
  - Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018
- 3) Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2019
  - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun 2018 Siri 1
- 4) Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2019
  - Penyata Kewangan Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018
- 5) Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2019
  - Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018



## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

- 6) Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2019
  - Penyata Kewangan Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018
- 7) Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2019
  - Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Tahun 2018
- 8) Kertas Mesyuarat Bilangan 26 Tahun 2019
  - Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018
- 9) Kertas Mesyuarat Bilangan 27 Tahun 2019
  - Laporan Tahunan 2018 Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
- 10) Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2019
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu Peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS)
- 11) Kertas Mesyuarat Bilangan 29 Tahun 2019
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Sistem Aduan Awam Di Negeri Selangor
- 12) Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2019
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Rumah Selangorku (RSKU) Atau Rumah Kos Rendah Di Negeri Selangor
- 13) Kertas Mesyuarat Bilangan 31 Tahun 2019
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Penyelarasan Kaedah Menilai Taraf Kemiskinan Bagi Tujuan Pemberian Bantuan Di Negeri Selangor

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

- 14) Kertas Mesyuarat Bilangan 32 Tahun 2019
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JP-PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Status Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran
- 15) Kertas Mesyuarat Bilangan 33 Tahun 2019
  - Anggaran Perbelanjaan Perbekalan 2020 Dan Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Perbekalan 2020 Kerajaan Negeri Selangor
- 16) Kertas Mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2019
  - Anggaran Perbelanjaan 2020 & Senarai Perjawatan Negeri Selangor 2020
- 17) Kertas Mesyuarat Bilangan 35 Tahun 2019
  - Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2018
- 18) Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2019
  - Laporan Tahunan 2018 Tabung Amanah Bencana Alam
- 19) Kertas Mesyuarat Bilangan 37 Tahun 2019
  - Laporan Tahunan 2018 Tabung Warisan Negeri Selangor
- 20) Kertas Mesyuarat Bilangan 38 Tahun 2019
  - Laporan Tahunan 2018 Tabung Amanah Warisan Anak Selangor
- 21) Kertas Mesyuarat Bilangan 39 Tahun 2019
  - Memorandum Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Dan 2018
- 22) Kertas Mesyuarat Bilangan 40 Tahun 2019
  - Laporan Tahunan 2018 Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018
- 23) Kertas Mesyuarat Bilangan 41 Tahun 2019
  - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JP-PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Prestasi Kutipan Hasil Cukai Tanah Dan Premium

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

- 24) Kertas Mesyuarat Bilangan 42 Tahun 2019
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JP-PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Isu Kadar Cukai Petak Bagi Pangsapuri Perkhidmatan
- 25) Kertas Mesyuarat Bilangan 43 Tahun 2019
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency - SELCAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Projek Taman Air Manis, Panchang Bedena, Sabak Bernam
- 26) Kertas Mesyuarat Bilangan 44 Tahun 2019
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Isu Sistem Pantauan Kawasan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan
- 27) Kertas Mesyuarat Bilangan 45 Tahun 2019
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (Public Account Committee - PAC) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 (Pengurusan Aktiviti / Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Terhadap Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) Pengurusan Aktiviti Dan Tadbir Urus
- 28) Kertas Mesyuarat Bilangan 46 Tahun 2019
- Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (Public Account Committee - PAC) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 (Pengurusan Aktiviti / Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Terhadap Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Pengurusan Hartanah

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Rang Undang-undang Perbekalan 2020 (Semua Peringkat).

Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

### PENANGGUHAN PERATURAN TETAP 48 DAN 53

**PENCADANG ( Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR )** : Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53, bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**PENYOKONG (Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM)** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**PENCADANG ( Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR )** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk pengeluaran sejumlah wang tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Bilion, Dua Ratus Enam Puluh Lapan Juta, Tujuh Ratus Sepuluh Ribu, Dua Ratus Lapan Puluh Enam Ringgit Dan Tiga Puluh Tujuh Sen (RM2,268,710,286.37) daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2020 adalah dengan ini dibenarkan dan jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

(Mukadimah)

Tuan Speaker,

Beberapa hari lagi kita akan memasuki tahun 2020. Tahun 2020 bukan hanya sekadar angka di kalendar tetapi merupakan satu gagasan mahupun era yang sangat signifikan terutamanya kepada beberapa generasi. Generasi saya membesar dengan angka tersebut, 2020 atau Wawasan 2020, yang kemudiannya berkembang menjadi suatu weltanschauung, suatu imaginasi, suatu cita-cita yang perlu dipenuhi.

Kita umumnya mengetahui bahawa Wawasan 2020 menggariskan 9 matlamat utama bagi memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju, bukan sahaja dalam aspek ekonomi akan tetapi juga dalam aspek politik, kebudayaan mahupun kerohanian.

Setelah 28 tahun peluncuran Dasar Pembangunan Nasional dan Wawasan 2020, Y.A.B. Tun Dr. Mahathir telah melancarkan Wawasan Kemakmuran Bersama sebagai suatu gagasan bertujuan menangani cabaran dalaman serta persaingan antarabangsa yang dihadapi Malaysia.

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Wawasan Kemakmuran Bersama juga menandakan berakhirnya Dasar Pembangunan Nasional sekaligus bersamanya Wawasan 2020 yang merupakan sebahagian daripada Dasar Pembangunan Nasional tersebut.

Selangor sekian lama berperanan sebagai, dengan izin Tuan Speaker, pivot of growth negara ini sudah pastinya mahu bersama-sama Kerajaan Pusat membangunkan negara menjadi sebuah negara maju.

Berbekal dengan perancangan polisi dan pelaksanaannya yang berkesan, semoga Selangor mampu berperanan seumpama keretapi laju N700 Nozomi. Nozomi bermaksud "Harapan", ianya laju merentasi jalur Tokaido Shinkansen yang menghubungkan Tokyo dengan Osaka.

Nozomi adalah contoh kepada kemajuan dan kemahuan untuk mencapai kemajuan tersebut. Nozomi juga setia, tekun, berhemah serta cekap berbakti kepada penumpangnya.

Nozomi juga adalah simbol bahawa tidak ada apa yang mustahil dicapai sekiranya kita tekun, berhikmah dan berusaha keras mencapai cita-cita tersebut. Kerajaan Negeri Selangor juga bercita-cita besar demi kemajuan negeri. Kita bersedia memecahkan segala rintangan yang menjadi penghalang kepada kemajuan dan kestabilan negeri yang kita cintai.

Oleh kerana itu, menjelang 2030 Selangor berikrar dengan berani untuk menyumbang sejumlah 30% daripada KDNK negara berbanding sekitar 23% pada ketika ini. Kita juga bercita-cita untuk menjadikan negeri Selangor sebagai negeri pintar terunggul di rantau ini yang dapat menyediakan sebanyak 60% peluang pekerjaan dan tenaga kerja berkemahiran tinggi daripada jumlah tenaga kerja berkemahiran tinggi di Malaysia.

Hasrat ekonomi manusiawi yang tertuang ke dalam pelaksanaan Selangor Maju Bersama mengadunkan kebijakan berteraskan semangat inklusif dan pertumbuhan ekonomi mampan ditonjolkan apabila pentadbiran ini telah memulakan suatu program jelajah ke seluruh daerah dan mengadakan sebanyak 9 sesi Rapat Balairaya ataupun *townhall* di setiap daerah dan 5 dialog meja bulat belanjawan bertujuan merasai denyut nadi dan akar umbi bagi mengolah dasar dan program kepada rakyat.

Jelajah Maju Bersama tersebut diilhami oleh Program Jelajah Setia Bersama Rakyat atau terkenal dengan jolokan SEMARAK pada penghujung 80an dan awal 90an oleh Tun Dr Mahathir dan jelajah ke Selatan China yang dicetuskan oleh Deng Xiaopeng.

Sementara China sekadar menjadikan kawasan-kawasan tertentu terutamanya di Zhuhai, Shenzen dan Guangzhou di wilayah Guangdong sebagai zon ekonomi istimewa, Selangor pula melakar gugusan-gugusan ekonomi atau kluster-kluster di seluruh Selangor sebagaimana yang telah disebutkan dalam Belanjawan 2019 lalu.

Alhamdulillah, segala puji kepada hadrat Allah SWT, negeri ini diberkati dengan keunikan serta potensi yang tersirat mahupun tersurat di segenap pelusuk negeri. Moga garapan dasar yang baik sebegini dan kecekapan pelaksanaan mampu mencetuskan kekuatan di

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

setiap daerah serta menggembeling penglibatan rakyat sekaligus memacu pertumbuhan ekonomi negeri.

Tuan Speaker,

Pentadbiran ini bercita-cita melengkapkan suatu kesinambungan dasar berasaskan semangat al-Islah yang telah dilaksanakan semenjak 2008 sehinggalah sekarang.

Bermula pada tahun 2008, Kerajaan Negeri Selangor berusaha melaksanakan reformasi institusi dan pendekatan kebijakan seumpamanya Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban & Ketelusan atau pun SELCAT, Enakmen Kebebasan Maklumat 2011 dan Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Kemudiannya pentadbiran yang dikemudi Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menyemarakkan agenda reformasi dan pembangunan dengan menyusun semula Agenda Peduli Rakyat dan meneroka impian Negeri Pintar sebagai paksi pengurusan dan pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan.

Justeru, saya sebagai Menteri Besar ketiga pasca 2008 berhasrat menyempurnakan segala harapan Reformasi serta cita-cita dan buah fikiran para mantan. Penyempurnaan ini wajib pula mengambil kira aspek menterjemahkan idealisme dan penyesuaiannya dengan realiti sesuatu polisi, sosio-ekonomi dan sosio-politik.

Anak Jawa indah persona,  
Jeram dan Ijok dalam jajahan;  
Reformasi institusi telah dilaksana,  
Wibawa integriti teras kerajaan

Ulu Klang sinar tersingkap  
Dato' Menteri gelar ternama;  
Cekap mengurus teliti sikap,  
Peduli rakyat agenda utama

Jangan hidup bersandar nama,  
Bakti mulia jadi tauladan;  
Kemudi Selangor Maju Bersama,  
Negeri terkenal rentas sempadan

Tuan Speaker,

Adalah menjadi suatu tanggungjawab sebagai seorang Ketua Eksekutif Negeri ini untuk membentangkan dasar-dasar yang realistik, praktikal dan juga pragmatik.

Kerajaan Selangor merupakan suatu pentadbiran yang bertanggungjawab, *a responsible government*. Impian rakyat Malaysia adalah untuk melihat Kerajaan Pakatan Harapan berjaya membela nasib rakyat, dan sudah tentu selaku Menteri Besar negeri ini mempunyai tekad yang sama; membela dan untuk maju bersama rakyat.

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Belanjawan tahun lalu memperkenalkan dua pendekatan polisi iaitu Penjajaran Semula Inisiatif Peduli Rakyat dan Klusterisasi. Ada di kalangan ahli dewan mengkritik penjajaran seolah-olah ianya dasar austerity atau dasar mengikat perut. Pendekatan Penjajaran ini bukanlah satu kebijakan ganjil malah ianya merupakan sesuatu polisi yang berasaskan keperluan serta masalah.

Berkongsi kemakmuran bukan bererti menyamaratakan nikmat dan hasil yang diperolehi tetapi haruslah memastikan agihan sampai ke sasaran yang selayaknya. Keadilan bukan sekadar melaksanakan *populist policies* tetapi membantu mereka yang selayaknya, selari dengan konsep keadilan iaitu meletakkan sesuatu sesuai pada tempatnya.

Ketika melancarkan Wawasan Kemakmuran Bersama tempoh hari, Y.A.B. Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir menegaskan “polisi kebajikan harus bertukar dari amalan dan penumpuan kepada pemberian tunai kepada program pembangunan dan latihan untuk mengeluarkan kelompok ini dari kemiskinan.”

Martha Nussbaum, filasuf terkenal telah menghuraikan sepuluh perkara Keupayaan Utama atau pun *Central Capabilities* dengan izin sebagai matlamat kepada pemberdayaan individu mahupun masyarakat. Merenungi huraian Martha Nussbaum itu, kita terpanggil untuk membandingkan pemikiran beliau dengan pendekatan perundangan Islam atau pun dikenal sebagai Maqasid al Shariah yang berhasrat mahu melindungi agama, nyawa, akal, keturunan dan juga harta.

Tidak berlebih-lebihan untuk saya menyatakan bahawa segala ikhtiar yang terkandung dalam belanjawan ini selari dan secocok dengan Wawasan Kemakmuran Bersama yang turut menyentuh penggembelangan serta pengupayaan ekonomi yang berteraskan kekuatan sesuatu wilayah atau *economic hotspots*. Itulah juga hasrat kita ketika merumuskan pelaksanaan pendekatan klusterisasi- klusterisasi ekonomi tahun lalu.

Oleh itu pada belanjawan kali ini, suatu penumpuan khusus diberikan kepada pengukuhan Negeri Pintar, supaya menterjemah idea *abstrak smart state* kepada pembangunan-pembangunan yang bersifat konkrit.

Selain itu suatu kesinambungan kepada klusterisasi turut diberi penekanan di mana objektif pembangunan-pembangunan prasarana mengambil kira kekuatan serta tujuan gugusan-gugusan yang telah dibentangkan dan digariskan sebelum ini.

Kemajuan dan pembangunan perlulah disusuli dengan inisiatif-inisiatif jangka panjang yang berkesan terutamanya berkaitan dengan pemindahan teknologi serta penciptaan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan pembangunan modal insan berkualiti tinggi.

Manakala itu pembangunan tidak bererti kita mengorbankan alam sekitar dan menyisihkan kumpulan-kumpulan minoriti. Pembangunan tidak dapat tidak mestilah berteraskan paksi pembangunan lestari.

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

### Senario Ekonomi

Tuan Speaker,

Perang dagang yang meruncing antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China menyebabkan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2019 daripada 3.9% pada Julai 2018 kepada 3.2 % pada Julai 2019.

Ekonomi Malaysia turut terkesan dengan perkembangan mutakhir ini ibarat pepatah Melayu, gajah bertempur dengan gajah, pelanduk mati di tengah-tengah, akan tetapi kita bukan pelanduk sebarang pelanduk. Pelanduk terkenal bijaksana, tangkas dan lincah.

Justeru pada separuh pertama 2019, pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) diunjurkan pada 4.7%, manakala kadar pertumbuhan suku kedua diunjurkan pada kadar 4.9 %.

Ini menjadikan Malaysia antara sebilangan kecil ekonomi dunia yang mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi pada suku kedua berbanding suku pertama. Inflasi juga berada pada tahap 0.2 % dalam separuh pertama 2019, berbanding 1 peratus pada 2018 dan 3.7 peratus pada tahun 2017.

Walaupun dihipit perang dagang, eksport Malaysia hanya menguncup kecil pada kadar 0.4 % dalam lapan bulan pertama 2019 berbanding tahun 2018. Eksport negara dijangka merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2019. Dalam tempoh yang sama, Malaysia mencatatkan imbangan perdagangan berjumlah RM92.5 bilion iaitu 28.7 peratus lebih tinggi daripada RM71.9 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Walaupun prospek ekonomi global yang tidak menentu, ASEAN masih bertahan dan memperlihatkan pencapaian yang sihat. Indonesia, Malaysia dan Vietnam mencatatkan pertumbuhan masing-masing pada kadar 5.1%, 4.6% dan 6.8% di suku pertama 2019.

Sungguhpun ketika keadaan ekonomi antarabangsa yang tidak menentu, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) masih menaruh keyakinan terhadap rantau ini untuk mengharungi cabaran yang mendatang.

Ini berasaskan fakta bahawa Benua Asia masih merupakan pemacu utama pertumbuhan global di mana China menggembeling 39.2%, India pada kadar 16% dan negara-negara ASEAN berkongsi 10% daripada pertumbuhan ekonomi dunia.

Laporan yang bertarikh 22hb Oktober 2019 yang berjudul Prolonged Uncertainty Weighs on Asia's Economy juga mengingatkan kita untuk memastikan kesinambungan reformasi institusi, juga agar pertumbuhan lebih inklusif dan lebih inovatif menghadapi cabaran pemanasan global.

Selangor mempunyai struktur ekonomi yang mapan seiring dengan kemajuannya sebagai antara peneraju utama pembangunan negara dengan sumbangan 23.7 peratus kepada KDNK Malaysia.



## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Nilai ditambah aktiviti ekonomi memperlihatkan peningkatan kepada RM322.6 bilion berbanding RM301.9 bilion pada 2017 menjadikan pertumbuhan KDNK Negeri Selangor dalam bentuk peratusan adalah pada kadar 6.8% pada tahun 2018 berbanding kadar purata nasional pada 4.7%.

Keupayaan Negeri Selangor kekal menjadi penyumbang teratas kepada KDNK Malaysia membuktikan kestabilan ekonomi negeri melalui pengukuhan aspek tadbir urus dan polisi yang efektif.

Bahkan jika disorot sejak lima tahun kebelakangan, bukan sahaja peratusan sumbangan negeri Selangor itu paling tinggi tetapi juga terdapat *trend* peningkatan yang kukuh saban tahun.

Pada tahun 2014, Negeri Selangor telah menyumbang 22.4 peratus dan pada tahun 2015 dan 2016 menunjukkan peningkatan yang baik kepada 22.8 pada 2015 dan 22.9 peratus di tahun 2016.

Manakala pada tahun 2017, Negeri Selangor telah menyumbang sebanyak 23.2 peratus dan di tahun 2018 sekali lagi angka menunjukkan peningkatan yang baik dan memberangsangkan iaitu pada kadar 23.7 peratus. Ini membuktikan Selangor adalah paksi kepada ekonomi Malaysia.

### **Prestasi Kewangan Negeri Selangor**

#### **Kedudukan Kewangan Negeri**

Wang awam Kerajaan Negeri terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan.

Pada 31 Disember 2018, ia berjumlah sebanyak Dua Bilion, Satu Ratus Tiga Puluh Lima Juta, Tiga Ratus Tujuh Puluh Lima Ribu, Empat Ratus Lapan Puluh Satu dan Empat Puluh Sen (RM 2,135,375,481.40).

Prestasi kewangan Kerajaan Negeri pada 18 Oktober 2019 adalah baik dengan kedudukan rizab negeri semasa adalah sebanyak RM 2.32 bilion.

Sehingga 18 Oktober 2019, prestasi Belanja Pembangunan telah mencatatkan 69.48 peratus daripada RM 1.4 bilion yang diperuntukkan berbanding 68.16 peratus daripada peruntukan RM 1.66 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2018.

Manakala, prestasi Belanja Mengurus mencatatkan 68.05 peratus daripada RM 1.28 bilion Peruntukan Mengurus yang disediakan pada tahun 2019 berbanding 72.49 peratus daripada peruntukan RM 1.46 bilion dalam tempoh yang sama tahun 2018.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

### **Kedudukan Hasil Negeri**

Kutipan sebenar hasil negeri pada tahun 2018 adalah sebanyak Satu Bilion, Sembilan Ratus Sembilan Puluh Lapan Juta, Lima Ratus Tujuh Belas Ribu, Tiga Puluh Enam dan Dua Puluh Sen (RM1,998,517,036.20).

Hasil Cukai mencatatkan kutipan sebanyak RM 654.54 juta, Hasil Bukan Cukai mencatatkan RM 1.06 bilion dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM 282.46 juta.

Sehingga 18 Oktober 2019, Kerajaan Negeri mencatatkan kutipan hasil sebanyak RM 1.89 bilion iaitu bersamaan 83.54 peratus daripada unjuran hasil yang dicatatkan pada tahun 2019 sebanyak RM 2.27 bilion. Hasil Cukai mencatatkan kutipan sebanyak RM 642.94 juta iaitu bersamaan 92.21 peratus, Hasil Bukan Cukai mencatatkan RM 1.012 billion bersamaan 76.07 peratus dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM 240.29 juta bersamaan dengan 99.76 peratus.

Pada tempoh yang sama pada tahun 2018, Kerajaan Negeri merekodkan kutipan hasil sebanyak RM 1.72 bilion atau pun 76.66 peratus berbanding unjuran hasil 2018 iaitu sebanyak RM 2.25 bilion. Hasil Cukai mencatatkan kutipan sebanyak RM 596.12 juta, Hasil Bukan Cukai mencatatkan kutipan sebanyak RM 884.67 juta, dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM 244.01 juta. Tahniah diucapkan kepada pasukan kutipan hasil di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri

Segala usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri telah menunjukkan hasil positif dengan peningkatan kutipan hasil berbanding angkat-angkat yang dicatatkan tahun lalu.

### **Anggaran Hasil**

Hasil bagi tahun 2020 dianggarkan sebanyak Dua Bilion, Dua Ratus Juta (RM2,200,000,000). Antara penyumbang utama kepada hasil negeri adalah Premium Tanah iaitu sebanyak RM 968.40 juta atau pun bersamaan 44.02 peratus daripada anggaran hasil.

Penyumbang kedua terbesar adalah hasil Cukai Tanah iaitu sebanyak RM 568.21 juta bersamaan 25.83 peratus. Manakala penyumbang ketiga terbesar adalah daripada Pemberian Persekutuan iaitu berjumlah RM 224.84 juta iaitu bersamaan 10.22 peratus.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

### **BELANJAWAN SELANGOR 2020**

#### **Anggaran Perbelanjaan**

Berdasarkan kedudukan kewangan negeri yang kukuh dan terus berdaya tahan, maka Kerajaan Negeri mencadangkan agar anggaran perbelanjaan tahun 2020 berjumlah Dua Bilion, Tiga Ratus Tiga Puluh Tiga Juta (RM2,333,000,000) bagi Belanjawan Selangor 2020.

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Daripada jumlah tersebut, Satu Bilion, Dua Ratus Juta (RM1,200,000,000) atau pun 51.44 peratus diperuntukkan bagi Belanja Mengurus dan Satu Bilion, Satu Ratus Tiga Puluh Tiga Juta (RM1,133,000,000) atau pun bersamaan 48.56 peratus diperuntukkan untuk Belanja Pembangunan.

Pembangunan Belanjawan 2020 dijangka akan mengalami defisit berjumlah Satu Ratus Tiga Puluh Tiga Juta (RM133,000,000) berpunca daripada peruntukan pembangunan yang substantif untuk memenuhi keperluan pembangunan mampan. Jumlah defisit ini menyaksikan penurunan berbanding dengan jumlah defisit yang dianggarkan pada tahun 2019 iaitu RM 360 juta.

Pengalaman belanjawan yang lalu membuktikan perbelanjaan berhemah, memperkukuh budaya kerja cekap dan berintegriti dan menutup ruang pembaziran serta ketirisan telah berjaya mengurangkan belanjawan defisit kepada satu jumlah yang lebih munasabah.

Seperti mana kita sedia maklum, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem Cut-off mulai tahun 2015 bagi menilai semua tender dan sebut harga yang dipelawa secara terbuka. Dasar ini dirangka berteraskan konsep integriti dan nilai untuk wang atau pun *value for money*.

Sejak pelaksanaannya, sejumlah 574 projek dengan anggaran kos sebanyak RM 4 bilion telah dinilai. Hasil daripada pelaksanaan kaedah ini yang dibuat secara telus dan berintegriti, maka sehingga 18 Oktober 2019, Kerajaan Negeri telah merekodkan penjimatan sebanyak RM 545.4 juta.

Berkat daripada langkah Kerajaan Negeri melaksanakan perbelanjaan secara berhemah inilah yang hasilnya dipulangkan semula kepada rakyat melalui pelbagai projek-projek pembangunan dan insentif-insentif tertentu.

### **Belanja Mengurus**

Kerajaan Negeri serius dalam melaksanakan usaha penjimatan dalam Peruntukan Mengurus sejak 2017. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke-26/2017 yang bersidang pada 9 Ogos 2017 telah bersetuju mengurangkan perbelanjaan Mengurus Negeri Selangor dengan menghadkan kadar perbelanjaan Mengurus tahun 2017 setiap Jabatan kepada maksimum 95 peratus sahaja.

Kerajaan Negeri juga membuat keputusan untuk meneruskan langkah penjimatan ini di tahun 2018 dan merekodkan penjimatan berjumlah RM 119 juta.

Dalam Belanjawan 2019, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pengurangan 5 peratus peruntukan Mengurus sedia ada setiap Jabatan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri dan di tahun 2020, 4 peratus lagi akan dipotong peruntukan Mengurus sedia ada bagi setiap Jabatan untuk dikurangkan.

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Kesan positif daripada pelaksanaan secara berperingkat sejak 2017 menunjukkan peruntukan Mengurus telah merekodkan penjimatan sebanyak RM 235.11 juta. Sejumlah RM 40.95 juta penjimatan lagi akan dibuat untuk tahun 2020 menjadikan jumlah penjimatan Peruntukan Mengurus dicatatkan sebanyak RM 276.06 juta sejak daripada tahun 2017.

Justeru, sebagai pelengkap kepada usaha ini, Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 2020 dibuat berpandukan pendekatan Rangka Sifar Belanjawan atau pun *Zero-Based Budgeting* yang memberi keutamaan kepada emolumen, utiliti, sewaan, penyelenggaraan dan item berkontrak.

Daripada jumlah RM 1.2 bilion yang diperuntukkan untuk Belanja Mengurus tahun 2020, sejumlah RM 430.76 juta adalah untuk emolumen dan RM 506.95 juta lagi bagi perkhidmatan dan bekalan.

Manakala, RM 4.47 juta untuk pembelian asset-aset dan RM 161.29 juta disediakan untuk pemberian dan kenaikan bayaran tetap serta RM 96.53 juta untuk perbelanjaan lain.

### **Belanja Pembangunan**

Belanjawan 2020 mencadangkan peruntukan pembangunan berjumlah RM1.133 bilion atau pun 48.6 peratus daripada jumlah keseluruhan anggaran belanjawan dengan fokus belanjawan terus diberikan kepada 5 Teras Utama iaitu pemberdayaan ekonomi, pendidikan, keselamatan dan kesihatan, alam sekitar dan juga sosial agar perancangan yang telah dimulakan pada tahun lepas dapat terus bergerak ke hadapan dan mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam tempoh 3 hingga 5 tahun akan datang.

Pembangunan fizikal masih terus menjadi nadi utama belanjawan 2020 yang mana 31.2 peratus disediakan bagi menampung perbelanjaan pembangunan infrastruktur manakala 29.9 peratus pula disediakan bagi perbelanjaan pembangunan ekonomi.

Peruntukan yang disediakan ini adalah bagi memacu pembangunan ekonomi Negeri Selangor agar terus menjadi sebuah negeri maju yang sesuai untuk didiami. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan memastikan Negeri Selangor akan terus kekal menjadi nadi pembangunan negara dan paksi kepada ekonomi nasional.

### **STRATEGI BELANJAWAN 2020**

Dengan tema belanjawan, Selangor Negeri Unggul, Kehidupan Bermartabat maka Belanjawan Selangor 2020 dibangunkan berdasarkan lima strategi berikut:

1. Menjana Pertumbuhan dan Pemberdayaan Ekonomi Negeri
2. Merencana Agenda Pendidikan Unggul
3. Mewujudkan Selangor yang Selamat, Sihat dan Sejahtera
4. Menjamin Kelestarian Alam Sekitar
5. Menjuarai Kemampanan Sosial

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Kelima-lima strategi ini adalah suatu saranan Wasail wa Mukamillat sebagaimana yang diungkapkan filsafat perundangan Maqasid al Shariah, yakni pendekatan ke arah kesempurnaan pelaksanaan matlamat utama belanjawan yang telah digariskan.

### **STRATEGI PERTAMA : MENJANA PERTUMBUHAN DAN PEMBERDAYAAN EKONOMI NEGERI**

#### **Inisiatif Smart Selangor**

Bagi mencapai gagasan Premier Smart State pada tahun 2025, inisiatif Smart Selangor akan diteruskan pada tahun 2020 dengan pembangunan solusi pintar untuk menyatukan serta membangunkan platform bersepadu antara perkhidmatan awam, PBT, agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan negeri di Selangor, meningkatkan mutu pemantauan keselamatan awam dan infrastruktur digital Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri memberi komitmen untuk memperuntukkan sejumlah RM300 juta kepada inisiatif Smart Selangor sepanjang 6 tahun ke hadapan. Bagi memenuhi maksud ini sebanyak RM50 juta akan diperuntukkan pada tahun 2020. Ini adalah peruntukkan Smart Selangor terbesar yang pernah dicatatkan dalam sejarah Belanjawan Negeri Selangor.

Kita yakin pelabur serta sektor swasta akan turut bersama-sama kerajaan menyokong usaha ini dengan nisbah sokongan dana adalah 1:1, ini menjadikan unjuran nilai keseluruhan pembangunan Smart Selangor berjumlah RM600 juta.

Tuan Speaker,

Ketika melawat Smart City Command Center di Longgang berdekatan Shenzhen di China, kita menyaksikan kehebatan serta kecekapan teknologi sedemikian bukan sahaja membantu mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi malahan menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Command Centre dijangka mampu menganalisa dan cerapan dari sistem pengumpulan data dan menghubungkan dengan beberapa agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan agensi-agensi lain.

Tumpuan juga diberikan kepada Pembangunan 'Selangor Gigabit Network (SeGNet)' dan 'Hybrid Data Centre' yang bakal memperkenalkan penggunaan jaringan intranet Kerajaan berkelajuan Gigabit dan juga menerajui penggunaan Teknologi pengkomputeran awan untuk tujuan 'pemulihan data ketika bencana'.

Manakala itu pembangunan beberapa ekosistem pengupayaan ekonomi seperti ekosistem ekonomi nirtunai, platform digital IKS, pengkalan data pelancongan, platform pasaran kerja untuk kegunaan IKS dan juga rakyat terbanyak dan tidak ketinggalan meneruskan penganjuran Selangor International Cyber Games 2020.

Sementara itu kita juga berhasrat menerokai sektor topografi pintar yang menumpukan kepada pemetaan utiliti bagi meningkat keberkesanan perancangan bandar dan juga perkhidmatan air kepada rakyat Negeri Selangor.

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Semenjak empat tahun yang lalu, Kerajaan Negeri telah berbelanja RM47.7 juta dalam menyediakan beberapa asas dan inisiatif yang dibangunkan oleh Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) bersama-sama dengan entiti seumpama SITEC yang telah menerima RM 24 juta sepanjang empat tahun lalu.

Semenjak diumumkan pada tahun 2016, pencapaian Smart Selangor telah mencapai sasaran 26% menjelang tahun 2025. Antara pencapaian inisiatif Smart Selangor ialah pembinaan Aplikasi Smart Selangor merentasi PBT seperti 'Intelligent Response Selangor' atau pun i-RS yang diperkenalkan pada Julai 2017 telah berjaya menyelesaikan 22,897 pelaporan lokasi jalan berlubang daripada 24,144 jumlah pelaporan seluruh Selangor sehingga September 2019.

Manakala aplikasi 'Smart Selangor Parking' yang memudahkan pembayaran tempat letak kereta dan kompaun dengan kaedah atas talian di hampir kesemua PBT Selangor pula telah mencatatkan jumlah pengguna seramai 333,500 orang walaupun baru diperkenalkan pada Julai 2018 yang lalu.

Kerajaan Negeri juga akan menyediakan geran inovasi sebanyak RM600,000 untuk pembangunan teknologi 'Kecerdasan Buatan' atau pun *Artificial Intelligence* untuk menggalakan pihak swasta dalam dan luar negara untuk memulakan aktiviti kajian dan pembangunan dalam bidang-bidang ini bersama para penyelidik tempatan.

Bagi merancakkan pembudayaan akar umbi dan penglibatan generasi muda terhadap pembinaan negeri pintar, setiap Dewan Undangan Negeri atau setiap Dewan Negeri digalakkan untuk meneroka solusi pintar dalam memberikan khidmat kepada rakyat. Sejumlah RM 100 ribu disediakan bagi tujuan ini untuk pemenang solusi terbaik. Pentadbiran ini yakin akan mampu mencapai sasaran 46% kemajuan projek dan program Smart Selangor menjelang akhir tahun 2020.

Saya amat berharap agar kerjasama baik pelbagai pemegang taruh bersama Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) dapat diteruskan agar aspirasi kita untuk menjayakan Selangor sebagai 'The Premier Smart State in ASEAN' dapat kita tunaikan bersama menjelang 2025.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

### **Rumah IDAMAN**

Memiliki rumah sebagai tempat berteduh dan berselindung merupakan salah-satu keperluan yang penting dalam kehidupan. Kerajaan Negeri Selangor menyedari keinginan serta hasrat dan kehendak rakyat negeri ini untuk memiliki kediaman yang selesa buat mereka dan keluarga. Selaras dengan kerangka kerja Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) objektif utama Rumah Idaman adalah bagi meningkatkan sosio-ekonomi rakyat berpendapatan rendah (B40) dan kelompok menengah (M40) melalui penciptaan persekitaran hidup kondusif yang memungkinkan taraf hidup wajar.

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Pada pembentangan Belanjawan tahun lalu saya telah mengumumkan pembinaan 30,000 unit rumah Idaman yang mempunyai ciri-ciri istimewa dan hanya terdapat di Negeri Selangor. Pembinaan 30,000 unit Rumah Idaman akan mencipta nilai ekonomi berjumlah RM7.5 bilion dan memberi impak ekonomi positif secara menyeluruh kepada rangkaian nilai industri pembinaan dan kewangan.

Sukacita dimaklumkan fasa pelaksanaan Rumah Idaman dalam tempoh 3 tahun telah bermula di mana sebanyak 4,800 unit merangkumi kawasan Kajang, Bangi dan Paya Jaras telah diluluskan untuk pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya dalam dalam tempoh tahun.

Kerajaan Negeri juga menyambut baik pengumuman Skim Rent-To-Own (RTO) dalam Belanjawan 2020 Kerajaan Persekutuan baru-baru ini di mana pembiayaan sebanyak RM10 billion akan disediakan institusi kewangan dengan sokongan kerajaan persekutuan melalui penyediaan jaminan sebanyak 30 peratus.

Melalui skim ini, pembeli IDAMAN akan menyewa bagi tempoh sehingga lima tahun dan selepas setahun diberi pilihan untuk membeli rumah berkenaan pada harga yang ditetapkan semasa perjanjian ditandatangani iaitu pada kadar RM250,000.

Untuk maksud berkenaan, pihak Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi memastikan pembeli IDAMAN turut mendapat manfaat daripada skim ini.

Selain itu, Bank Simpanan Nasional atau pun BSN dan Bank Rakyat telahpun menyatakan sokongan kepada inisiatif ini dengan memperkenalkan produk pembiayaan khusus buat pembeli IDAMAN pinjaman sehingga lebih daripada 100% ataupun 110% daripada harga jualan bagi tempoh pinjaman 40 tahun. Ini menandakan berakhirnya masa dan masalah in financing kepada pembeli-pembeli rumah khususnya untuk pembeli-pembeli rumah-rumah IDAMAN Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

### **Selangor Business Capital**

Sejajar dengan cita-cita Kerajaan Negeri menjadikan Selangor sebagai negeri pintar terunggul di Asia Tenggara maka suatu projek pembangunan bersepadu yang digelar Selangor Business Capital akan dilaksanakan.

Pembangunan tersebut akan menggabungkan idea daerah kewangan pintar atau *Smart Financial District* dan berperanan seumpama sandbox kepada teknologi terbaharu yang berupaya menjadi solusi kepada sektor perkhidmatan dan perniagaan untuk menjadi lebih efektif.

Dimana kelebihan Selangor Business Capital adalah kerana lokasinya yang strategik. Ianya terletak di antara Cyberjaya, Putrajaya dan juga KLIA 1 dan 2.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Dianggarkan *Gross Development Value* atau GDV kepada pembangunan ini adalah berjumlah RM12 bilion. Ia turut menyediakan pusat konvensyen dan persidangan bertaraf dunia, hotel bertaraf 5 bintang, pusat membeli belah, ruang pejabat dan perniagaan, bangunan-bangunan kediaman beserta pelbagai fasiliti sokongan lain.

Selangor Business Capital ini turut menarik minat beberapa syarikat besar umpamanya Tencent dan Huawei untuk turut sama melabur dan menjayakan hasrat Selangor Business Capital.

### **Pembangunan Infrastruktur**

#### **Projek Jalanraya/Jejambat/Jejantas**

Sebagai sebuah negeri yang menjadi gerbang utama kepada Malaysia, Selangor harus memainkan peranan penting mempunyai jaringan pengangkutan dan capaian yang tinggi.

Dengan kapasiti keseluruhan Jalan Negeri ini iaitu sepanjang 19,997.79km merupakan jaringan infrastruktur yang menghubungkan 9 Daerah di Negeri Selangor dan menjadi komponen penting dalam menjana pertumbuhan Ekonomi dan Mobiliti Sosial.

Kerajaan Negeri berazam merapatkan jurang pembangunan antara daerah dengan meningkatkan jaringan jalan raya yang lebih meluas. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan Negeri mencadangkan sejumlah RM178 juta diperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi pelaksanaan projek-projek jalanraya di tahun 2020.

Sebanyak RM11.8 juta diperuntukkan bagi kerja-kerja pembinaan Jambatan dan Jejantas seperti Jambatan Rantau Panjang Kuala Selangor dan Jambatan Sungai Kundang Gombak yang masih dalam pembinaan.

Manakala sebanyak RM52.1 juta diperuntukkan di tahun 2020 untuk melaksanakan kerja-kerja sambungan pembinaan jalan baru yang sedang giat berjalan.

Jalan-jalan baru ini akan melalui kawasan-kawasan baru dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di sekitar gugusan kluster utama yang melibatkan beberapa daerah seperti Gombak, Sepang dan Kuala Langat.

Selain itu juga kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebanyak RM94.75 juta bagi menaiktaraf jalan-jalan sedia ada dalam memastikan jalan-jalan sedia ada bagi menampung peningkatan aliran trafik semasa.

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memastikan infrastruktur sedia ada lebih selamat dan dengan itu peruntukan sebanyak RM9 juta daripada jumlah peruntukan di atas diperuntukkan untuk kerja-kerja meningkatkan aspek keselamatan jalan-jalan daerah, pemasangan lampu isyarat dan lampu jalan. Tambahan RM2.35 juta pula diperuntukkan untuk Kerja Pembaikan Cerun.



## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Kerajaan Negeri juga meluluskan peruntukan sebanyak RM6.7 juta untuk melaksanakan kerja-kerja permulaan termasuk kajian mengenai beberapa cadangan projek menaiktaraf jalan di Negeri Selangor yang melibatkan beberapa daerah.

Prestasi semasa jabatan sehingga 20 September 2019 ialah sebanyak 20 projek telah siap, 14 projek dalam peringkat pembinaan dan 18 projek dalam peringkat perancangan.

### **Menaiktaraf Infrastruktur Pihak Berkuasa Tempatan**

Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, pembangunan bandar yang inklusif dan saksama di seluruh Negeri Selangor akan diberi penekanan, terutamanya di kawasan luar bandar. Ini bagi memastikan semua lapisan masyarakat boleh menikmati semua usaha pembangunan yang telah dilaksanakan serta mempunyai hak dan peluang yang sama untuk melibatkan diri dalam pembangunan ekonomi mahupun pembangunan fizikal dan sosial.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi menaiktaraf kemudahan asas dan kemudahan infrastruktur di PBT berstatus Majlis Daerah.

### **Projek Tebatan Banjir dan Saliran**

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor menerima peruntukan sebanyak RM84.4 Juta. Pecahan daripada keseluruhan peruntukan bagi projek-projek yang dilaksanakan adalah Pembangunan Projek Tebatan Banjir sebanyak RM52.19 juta, Menaiktaraf Saliran sebanyak RM26.84 juta, Pembangunan Lembangan Sungai sebanyak RM700 ribu, Pembangunan Sumber Air dan Hidrologi sebanyak RM960 ribu, Program Pengurusan Saliran Mesra Alam sebanyak RM600 ribu, Pembangunan Pantai sebanyak RM1.4 juta dan Pembangunan Infrastruktur Mekanikal dan Elektrikal sebanyak RM1.7 juta.

62% daripada peruntukan yang diperolehi adalah bagi pelaksanaan projek tebatan banjir manakala 32% peruntukan adalah bagi projek menaiktaraf saliran.

Dengan terlaksananya projek-projek tebatan banjir dan menaiktaraf saliran ini dijangka dapat mengurangkan kekerapan banjir yang sering berlaku di beberapa lokasi di negeri Selangor.

Peruntukan di bawah butiran Pembangunan Projek Tebatan Banjir bagi pelaksanaan projek-projek tebatan banjir di seluruh negeri Selangor. Tiga projek di dalam pelaksanaan yang menerima peruntukan tertinggi adalah Projek Tebatan Banjir di Pandamaran yang diperuntukkan sebanyak RM5.4 Juta, Projek Tebatan Banjir di Hilir Sungai Kuang, Mukim Rawang sebanyak RM7.5 Juta dan Projek Tebatan Banjir di Sungai Labu sebanyak RM9.5 Juta.

Manakala projek menaiktaraf saliran sebanyak RM26.84 juta diperuntukkan bagi melaksanakan sebelas projek menaiktaraf parit utama dan sistem parit dalaman.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Antara projek yang akan dilaksanakan ialah Menaiktaraf Saliran di Daerah Klang sebanyak RM16 juta di Pekan Meru dan Kampung Jawa, Kampung Bukit Lanchong dan Kampung Sungai Baru Di Daerah Petaling. Meru tidak perlu mengharum baja lagi. Menaiktaraf Parit Utama dan Sistem Parit Dalam di Kampung Seri Aman, Puchong sebanyak RM4 Juta.

### **Pembangunan Projek Bekalan Air**

Kerajaan Negeri Selangor melakar sejarah dalam pengurusan bekalan air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya kerana pada 13 September 2019, penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air dapat diselesaikan sepenuhnya setelah hampir dua belas tahun rundingan diadakan.

Kejayaan ini merupakan permulaan usaha untuk meningkatkan sistem tadbir urus industri perkhidmatan bekalan air ke arah perkhidmatan yang mementingkan ketelusan, kebertanggungjawaban, efisien, kos efektif serta dikawal penuh oleh Kerajaan Negeri di mana faedahnya akan dapat dirasai oleh semua rakyat Selangor.

Selain dari tumpuan kepada peningkatan kualiti perkhidmatan industri bekalan air, Kerajaan Negeri bersama Air Selangor akan terus memberikan perhatian untuk memastikan kelangsungan sumber dan bekalan air di seluruh Negeri Selangor terutamanya untuk meminimalkan gangguan bekalan air dan mengurangkan penggantungan kepada sumber air mentah dari Sungai Selangor.

Manakala Pelan Induk Sumber, Pembekalan, Permintaan dan Pengagihan Air di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti sumber-sumber baru air mentah yang boleh dibangunkan sebagai sumber bekalan air bagi menampung permintaan sehingga tahun 2060.

Bagi memastikan kebolehlaksanaan Pembangunan Loji Rawatan Air Sungai Rasau yang dijangka boleh mengeluarkan air terawat berjumlah 500 Juta Liter per Hari (JLH), Kerajaan Negeri Selangor telah melantik perunding untuk membuat kajian terperinci bermula 01 Oktober 2019 dan selesai pada 30 September 2020.

Kerajaan Negeri juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM116.5 juta bagi pembangunan bekalan air yang merangkumi antaranya pelaksanaan Projek Labohan Dagang Fasa 2.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri telah pun membelanjakan hampir RM700 juta bagi melaksanakan Projek Loji Rawatan Air Semenyih 2 dan Loji Rawatan Air Labohan Dagang Fasa 1. Dengan siapnya kedua-dua projek ini, bekalan air dapat ditingkatkan sebanyak 300 juta liter per hari.

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Pada masa yang sama juga, Air Selangor akan memperuntukkan sejumlah RM30 bilion untuk tempoh 30 tahun bermula pada tahun 2019 sehingga tahun 2048 sebagai Perbelanjaan CAPEX atau secara puratanya sebanyak RM1 bilion setahun antaranya untuk mengurangkan air tidak berhasil atau *Non Revenue Water (NRW)*, kerja-kerja penggantian paip serta menambah baik prestasi empangan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bekalan air kepada pengguna.

Bagi tahun 2019, sejumlah RM120 juta telah dibelanjakan oleh Air Selangor untuk kerja-kerja penggantian paip sepanjang 168 km. Manakala itu Kerajaan Negeri sejak tahun 2016 telah membiayai sebanyak RM324 juta. Bagi tahun 2020, Air Selangor telah merancang untuk melaksanakan penggantian paip sepanjang 150km yang dianggarkan akan menelan belanja sebanyak RM124 juta.

Mulai Januari 2020, air dari Loji Rawatan Air Langat 2 boleh dimasukkan ke dalam sistem pengagihan Air Selangor dan kemasukan air bersih dari loji ini ke dalam sistem pengagihan Air Selangor boleh meningkatkan *reserve margin* ataupun julat simpanan sehingga mencapai 7.76% berbanding kadarnya per segi 2.38% sebagaimana diunjurkan oleh Air Selangor setakat September 2019 ini.

Program Pemberian 20 meter padu Air Percuma untuk tahun 2019 ini dibiayai secara *cost sharing* dengan Air Selangor. Bagi memastikan pemberian air percuma diterima oleh mereka yang benar-benar memerlukan dan kemampuan program ini, Kerajaan Negeri telah melancarkan Skim Air Selangor Darul Ehsan dan akan berkuatkuasa mulai pada 1hb Mac 2020.

Konsep perkongsian kos ini dapat membolehkan Kerajaan Negeri menggunakan peruntukan Negeri bagi pembangunan lain untuk kepentingan rakyat Negeri Selangor.

### **Industri Aeroangkasa**

Dalam usaha merealisasikan hasrat menjadikan Negeri Selangor sebagai lokasi pelaburan utama bagi Industri Aeroangkasa, Kerajaan Negeri akan mengukuhkan lagi kerjasama dengan pihak swasta dalam membangunkan kawasan Industri Aeroangkasa pada tahun 2020.

Satu kawasan seluas 2000 ekar telah dikenalpasti dan akan diumumkan kelak apabila segala keperluan telah dimuktamadkan. Ianya juga akan saling melengkapi dengan pembangunan kawasan Industri Aeroangkasa yang sedia ada.

Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor juga akan meneroka potensi Industri Aeroangkasa di Rusia dan Turki dalam bidang pembuatan, latihan mahupun perkhidmatan.

Sektor Aeroangkasa di Negeri Selangor akan terus diperkukuhkan. Negeri Selangor dijangka mencatatkan peningkatan 8% dalam sektor ini pada akhir tahun 2019 dengan 70% daripada kesemua syarikat – syarikat berkaitan Aeroangkasa di Malaysia bertapak di Negeri Selangor berbanding 62% pada tahun-tahun sebelum ini.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Pelan Tindakan Halatuju Selangor Aerospace Cluster 2020 – 2030 yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri akan memberi impak terhadap pembangunan dan perkembangan Industri Aeroangkasa terutamanya dalam memperkasakan ekosistem industri sedia ada di Negeri Selangor.

Sebanyak 30 pelan tindakan dan 7 inisiatif utama telah dikenalpasti yang meliputi elemen infrastruktur, insentif, pembiayaan, latihan dan pendidikan, peraturan dan undang-undang, akses pasaran dan lain-lain inisiatif.

Kita yakin menjelang 2030 sektor Aeroangkasa di Negeri Selangor akan menjadi pemangkin utama sektor Aeroangkasa negara yang mensasarkan penciptaan 32 ribu pekerjaan pendapatan tinggi dan pendapatan tahunan sejumlah RM55.2 billion.

Sebagai usaha untuk memperkukuhkan ekosistem Industri Aeroangkasa di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Darul Ehsan Aerospace Industry Coordination Office ataupun DAICO, iaitu sebuah unit baru di dalam struktur Invest Selangor Berhad yang berperanan menyelaras cadangan projek – projek berkaitan Aeroangkasa di Negeri Selangor.

### **Pelaburan dan Perindustrian**

Sektor pelaburan dan perindustrian memainkan peranan yang besar dalam pertumbuhan dan kestabilan ekonomi Negeri Selangor. Pelaksanaan dasar mesra pelabur dan kestabilan polisi Kerajaan Negeri menjadikan Negeri Selangor antara destinasi pelaburan utama di Malaysia.

Dalam meneruskan kecemerlangan sektor pelaburan dan perindustrian di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah merangka strategi jangka masa pendek dan panjang agar hasrat ini dapat direalisasikan. Pada tahun 2019, pihak Kerajaan Negeri mensasarkan nilai pelaburan berjumlah RM 10 Billion dalam sektor perkilangan ataupun pembuatan.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, sebanyak 132 projek perkilangan telah diluluskan oleh MIDA di Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 5.96 billion. Daripada jumlah ini sebanyak RM 2.15 billion adalah daripada pelaburan Tempatan dan Domestik dan sebanyak RM 3.815 billion daripada pelabur-pelabur asing. Daripada projek – projek perkilangan yang diluluskan ini, sebanyak 7,000 potensi peluang pekerjaan akan ditawarkan.

Sektor awam menjadi nadi penting bagi pentadbiran negeri. Pelaburan yang memberangsangkan, bersekali dengan produktiviti sektor awam yang baik adalah resipi kepada kejayaan negeri.

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Berdasarkan prestasi pelaburan ini, Kerajaan Negeri berkeyakinan nilai sasaran pelaburan berjumlah RM 10 bilion akan berjaya dicapai pada tahun 2019 dan pada tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor menganggarkan sasaran nilai pelaburan sebanyak RM 12 bilion. Kerajaan Negeri berkeyakinan untuk mencapai sasaran yang digariskan berdasarkan rancangan tahun 2020 termasuk membangunkan kawasan seluas 600 ekar untuk perindustrian Elektrik dan Elektronik yang akan diumumkan nanti.

Ahli Dewan dan Tuan Speaker,

### **Dasar Kelulusan 100 Hari**

Kerajaan Negeri melalui jabatan/agensi negeri mahupun jabatan/agensi persekutuan di Selangor, memerlukan kombinasi gerak kerja yang efektif lagi efisien, di samping bersifat akomodatif kepada persekitaran pasaran serta peniagaan dalam konteks *ease of doing business*.

Sistem penyampaian perkhidmatan yang bersifat akomodatif dan fasilitatif adalah ciri terpenting sebuah Premier Smart State. Justeru di tahun 2020, selaras dengan agenda ini, Kerajaan Negeri sukacita untuk memperkenalkan Dasar Kelulusan 100 Hari melibatkan proses perolehan kebenaran merancang dan urusan pembangunan tanah.

Tempoh masa ini akan ditetapkan sebagai tempoh masa maksimum bagi urusan-urusan berkaitan sehingga mencapai tahap kelulusan penuh yang akan menjadi sebagai Key Result Indicators (KRI) bagi setiap Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pegawai-pegawai Daerah.

Pemudaharaan proses ini, meskipun bersifat murni dalam menyediakan ekosistem perniagaan yang akomodatif, ia masih kekal dalam kerangka perundangan yang sedia ada tanpa Kerajaan Negeri berkompromi dengan prosedur dan tatacara yang kekal berkuatkuasa.

Bagi tujuan ini, pemurnian proses kerja serta piagam pelanggan yang lebih bersifat realistik dan relevan akan dilaksanakan di semua PBT dan Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah, termasuk penglibatan agensi-agensi teknikal yang menyumbang kepada cakupan proses ini secara menyeluruh.

Melalui pemantauan dan kawalselia Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan Selangor (PEMUDAH Selangor) yang akan digerakkan pada suku pertama 2020, Dasar ini dicadang untuk sedia dilaksana serta dikuatkuasakan tidak lewat dari suku kedua tahun 2020.

### **Selangor International Business Summit (SIBS)**

Kerajaan Negeri akan meneruskan program Selangor International Business Summit (SIBS) di tahun 2020, dalam usaha untuk mempromosikan dan mengukuhkan Negeri Selangor sebagai hub pelaburan dan perdagangan.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Pada tahun 2019, SIBS telah berlangsung dengan skala yang lebih besar berbanding tahun-tahun yang sebelumnya termasuk pengenalan program baru Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (R&D&I Expo). Sidang kemuncak ini menarik penyertaan sebanyak 787 pempamer dengan jumlah pengunjung hamper 35 ribu orang dan potensi transaksi perdagangan berjumlah RM450 juta.

Pencapaian SIBS 2019 adalah sangat baik dan memberangsangkan berbanding prestasi 2018 yang melibatkan 547 pempamer dan 23,737 pengunjung dan RM200 juta potensi transaksi perdagangan.

Malahan, pencapaian 2019 adalah melebihi sasaran yang telah digariskan oleh penganjur yang menjangkakan kehadiran 30 ribu pengunjung dan RM250 juta potensi transaksi. Maka tahun 2020, SIBS diteruskan dengan peruntukan RM11 juta.

### **Misi Promosi Pelaburan ke Luar Negara**

Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor sentiasa meneruskan misi promosi pelaburan ke luar negara. Program-program promosi dan misi pelaburan ke luar negara diteruskan dengan fokus kepada negara – negara yang berpotensi untuk melabur di Negeri Selangor. Untuk maksud ini sebanyak RM 19 juta disediakan.

Selaras dengan *trend* perkembangan perindustrian di peringkat global yang sedang beralih kepada Industri 4.0, Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan kepada 5 sektor industri utama iaitu;-

- Elektrik & Elektronik (Electrical & Electronics)
- Peralatan Pengangkutan (Transport Equipments)
- Sains Hayat (Life Sciences)
- Industri Makanan dan Minuman (Food & Beverages Industries)
- Mesin dan Peralatan (Machinery & Equipments)

Secara keseluruhannya di tahun 2020, Kerajaan Selangor memperuntukkan RM30 juta untuk aktiviti-aktiviti pengupayaan pelaburan dengan cita-cita menjadikan Selangor sebagai Paksi di Asia Tenggara.

### **Keusahawanan**

#### **Program Keusahawanan Selangor**

Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM36.8 juta bagi memperkukuhkan serta menambah baik pelaksanaan program-program keusahawanan Negeri Selangor.

Fokus utama Kerajaan Negeri adalah memberikan kesinambungan pemberdayaan usahawan-usahawan kecil dan mikro supaya lebih berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran Industri 4.0 dan juga pasaran antarabangsa.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Kerajaan Negeri telah membuat penjenamaan semula kepada program Jelajah Usahawan dengan nama baru iaitu Mini Ekspo Usahawan Selangor ataupun MEXUS. Penjenamaan ini selaras dengan penambahbaikan matlamat penganjuran ke arah orientasi keusahawanan berbanding konsep karnival.

MEXUS akan menjadi platform atau pusat sehati kepada para usahawan untuk mendapatkan konsultasi atau perundingan serta panduan dalam perusahaan yang diceburi terutamanya apabila berhadapan isu-isu seperti bantuan dana perniagaan, kursus keusahawanan, medium promosi produk usahawan dan pelbagai perkara.

Kerajaan Negeri juga melihat peluang produk yang pengeluaran berskala kecil serta produk "Homemade" yang mempunyai kualiti yang baik serta mempunyai potensi untuk dipasarkan ke pasaran global di dalam memanfaatkan perniagaan secara dalam talian yang merentasi benua tanpa sempadan.

Bagi memperkukuhkan lagi usahawan di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Selangor di mana majlis ini akan menjadi platform dan wahana kepada pembangunan menyeluruh usahawan di negeri ini dengan penglibatan beberapa jawatankuasa tetap yang lain serta agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Majlis ini akan menetapkan halatuju pembangunan usahawan yang lebih tersusun, merancang pembangunan usahawan yang lebih bersasar serta menyelaras data-data usahawan Negeri Selangor yang lebih baik bagi perancangan pembangunan usahawan di masa akan datang.

### **Program GROW**

Kerajaan Negeri telah menyusun program pembangunan dengan penyediaan latihan keusahawanan, kursus kemahiran pembuatan, pemberian geran peralatan dan juga program "GROW" yang berteraskan konsep "Mentor-Mentee".

Kerajaan Negeri berpandangan program ini disusun agar mampu melahirkan lebih ramai usahawan berjaya di kalangan kaum India di Negeri Selangor dengan peruntukan RM1 juta lagi pada tahun 2020.

### **HIJRAH**

Semenjak penubuhannya, Yayasan HIJRAH Selangor telah menerima dana sebanyak RM139 juta dalam bentuk geran dan RM 75 juta dalam bentuk pinjaman tanpa faedah daripada Kerajaan Negeri.

Daripada jumlah dana tersebut sebanyak RM214 juta, HIJRAH telah berjaya memanfaatkan berganda-ganda penggunaan dana ini. Dengan jumlah kadar bayaran balik pinjaman melebihi 80%, HIJRAH telah berjaya menjana dana pusingan untuk menambahkan lagi jumlah pinjaman dan seterusnya menambah bilangan usahawan baru.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Sehingga 31hb Ogos 2019, HIJRAH Selangor telah menyalurkan sejumlah pinjaman RM460 juta kepada seramai 46,352 orang usahawan dengan bilangan pinjaman sebanyak 61,196 pinjaman.

Rekod prestasi pinjaman menunjukkan seramai 37,163 usahawan dengan nilai pinjaman RM322,893,000 sedang aktif membuat bayaran pinjaman masing-masing. Manakala 9,189 usahawan telah selesai pinjaman dan akan membuat pinjaman ulangan.

Oleh kerana sambutan yang cukup menggalakkan dan usahawan kecil yang sentiasa memerlukan modal untuk melonjakkan status perniagaan mereka, Kerajaan Negeri memperuntukan modal tambahan sebanyak RM 30 juta untuk HIJRAH untuk keperluan dana modal tambahan yang akan mensasarkan 3,000 usahawan baharu pada tahun 2020.

Fungsi HIJRAH sebagai pemberi pinjaman modal perniagaan adalah sangat signifikan atau sangat bermakna dalam mencapai hasrat Kerajaan Negeri iaitu menyebarkan golongan kelas menengah dan meningkatkan sosio ekonomi Negeri Selangor.

Hasil Kajian Penilaian Impak 2018 Program HIJRAH Selangor oleh Institut Darul Ehsan dan UNISEL telah merekodkan bahawa “Program HIJRAH wajar diteruskan namun perlu penambahan jumlah modal” dan “Program HIJRAH Selangor berupaya meningkatkan perniagaan, mobiliti sosial dan kehidupan peminjam-peminjam”.

Yayasan HIJRAH Selangor juga turut menubuhkan sebuah koperasi untuk memberi manfaat kepada usahawan-usahawan HIJRAH dengan mewujudkan rangkaian perniagaan.

Sehingga kini, seramai 11,325 orang telah menjadi ahli dengan dana terkumpul berjumlah RM 5.7 juta. Antara projek yang dilaksanakan oleh Kohijrah ataupun Koperasi HIJRAH ialah penjualan trak makanan, pembelian dan penjualan getah beku, penjualan peralatan perniagaan dan pertanian melalui Kohijrah Shop.

### **Pertanian**

#### **Pertanian Berpenghasilan Tinggi**

Negeri Selangor amat komited untuk mendukung usaha menjadikan sektor pertanian ini bukan sahaja sekadar sumber ekonomi sampingan tetapi memartabatkannya sebagai satu sektor yang akan menjadi peneraju ke arah menjadikan Negeri Selangor sebagai paksi kuasa ekonomi serantau. Bagi tujuan ini, sebanyak RM23.59 juta diperuntukkan bagi tujuan pertanian.

Kerajaan Negeri memfokuskan untuk membuka lebih banyak kawasan pertanian yang berteraskan kepada konsep Tanaman Berpenghasilan Tinggi (High Value Crop) iaitu dengan mengoptimalkan kawasan kecil bagi penghasilan yang tinggi melalui penggunaan teknologi moden dan seterusnya meningkatkan pendapatan negeri.



## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Pembangunan ini selaras dengan *trend* pertanian yang memfokuskan ke arah Revolusi Pertanian 4.0 yang memberi penekanan kepada aplikasi inovasi, teknologi pertanian seperti penggunaan peralatan berteknologi tinggi, sensori, robotik, GPS dan teknologi maklumat ataupun *Information Technology*.

Sehubungan dengan itu, sektor pertanian makanan akan diberikan penekanan yang lebih tinggi. Penumpuan yang akan diberikan oleh Kerajaan Negeri di dalam memastikan bekalan makanan Negeri Selangor berada di dalam tahap yang selamat di dalam masa yang sama boleh meningkatkan pendapatan agropreneur serta amalan pertanian lestari adalah dengan pelaksanaan 5 dasar yang menjadi teras kepada sektor pertanian Negeri Selangor.

### **Insentif Petani, Nelayan, Pesawah dan Penternak**

Bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri memperuntukan RM 11.96 juta untuk meneruskan pemberian insentif kepada para petani, nelayan, pesawah dan penternak.

Bagi pengusaha bidang tanaman pula, sejumlah RM9.15 juta telah disediakan untuk pemberian bantuan berbentuk peralatan, input-input pertanian, kerja-kerja awalan tanah dan benih-benih tanaman dan ianya akan memberikan manfaat kepada 3,000 orang petani dan pesawah.

Dalam bidang penternakan pula, bantuan berbentuk pemberian induk ternakan, mesin memproses makanan ternakan dan menaiktaraf kandang ternakan serta peralatan pemprosesan produk IAT juga turut disediakan dengan jumlah RM1.91 juta.

Bagi nelayan, bantuan berbentuk peralatan yang boleh meningkatkan hasil tangkapan seperti sonar pencari ikan, GPS dan jaring ikan akan diberikan. Bidang akuakultur pula, bantuan yang diberikan adalah peralatan untuk penternakan ikan seperti tangki, pam boleh ubah atau pam boleh tenggelam, pengayuh dan benih ikan. Jumlah keseluruhan peruntukan adalah berjumlah RM 900 ribu.

### **Sektor Pelancongan**

Sektor Pelancongan Negeri Selangor telah mencatatkan kedatangan pelancong berjumlah 1.7 juta orang sehingga Mac 2019 yang merangkumi seramai 916,199 orang adalah terdiri daripada pelancong domestik dan 795,627 orang yang terdiri daripada pelancong-pelancong antarabangsa.

Negeri Selangor harus berbangga kerana telah mencatatkan kutipan cukai pelancongan yang ketiga tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak RM20.6 juta pada tahun 2018 di belakang Pulau Pinang dan negeri Sabah.

Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM 9.7 juta untuk tujuan pembangunan industri pelancongan di Negeri Selangor.

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Bagi memantapkan industri pelancongan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri berhasrat untuk melaksanakan Penambahbaikan Terhadap Pelaporan Statistik Pelancongan Dan Kebudayaan Negeri kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia ataupun MOTAC.

Penambahbaikan ini yang juga merupakan salah satu daripada strategi Program Pemurnian Pelancongan (P3S) yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri pada 8 Julai 2019 yang lalu adalah bertujuan agar data tersebut dapat digunakan bagi membantu di dalam menggubal dasar dan merangka pelan tindakan untuk mengenalpasti dan menarik pelaburan pelancongan ke kawasan-kawasan yang berpotensi.

Di samping itu, data tersebut juga boleh digunakan untuk membangunkan produk dan pakej berteraskan keperluan pasaran bagi menarik lebih ramai pelancong.

Salah satu projek yang akan dilaksanakan adalah pembangunan pengkalan data pelancongan Negeri Selangor. Sebanyak RM200 ribu akan diperuntukkan kepada Tourism Selangor Sdn Bhd dengan kerjasama Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) untuk membangunkan sistem statistik ini.

Kesedaran dan capaian maklumat kepada orang ramai dan pelancong yang berpotensi adalah amat penting di dalam industri pelancongan. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM300 ribu bagi tujuan kempen promosi pelancongan melalui program-program bertaraf antarabangsa seperti Eat Travel Write – Selangor International Culinary Adventure dan Jelajah Rentak Selangor Antarabangsa di tahun 2020.

Bagi memastikan impak dan tumpuan industri pelancongan negeri terus dipacu, Kerajaan Negeri komited akan melancarkan kempen Tahun Melawat Selangor 2021 di atas kesinambungan kempen Melawat Malaysia 2020.

Kerajaan Negeri juga akan memberikan fokus terhadap pelancongan pelayaran mewah (Cruise Tourism) yang telah dikenal pasti selari dengan agenda Klusterisasi Kerajaan Negeri di bawah Kluster Pelabuhan dan Maritim.

Sebagai rekod, seramai 227 buah kapal pelayaran telah berlabuh di Boustead Cruise Center (BCC) Klang dengan catatan penumpang seramai 517,433 orang pelancong pada tahun 2018. Kerajaan Negeri akan membina Pusat Informasi Pelancongan (TIC) di BCC, Klang pada tahun 2020 yang dijangka akan memberi pendedahan dan nilai tambah kepada industri pelancongan negeri untuk jangka masa panjang.

Justeru, Kerajaan Negeri juga akan memperkasakan kempen pengiklanan di media cetak dan elektronik di peringkat domestik dan antarabangsa. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri akan memperhebatkan pengiklanan paparan iklan billboard pegun dan elektronik di seluruh negara dengan anggaran kos keseluruhan peruntukan bagi tujuan promosi dan pengiklanan ini berjumlah RM2 juta.

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

### Ekonomi Digital

#### NFCP

Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (“NFCP”) telah dilancarkan dengan rasminya pada 19 September 2019. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Bank Dunia, kenaikan sebanyak 10% bagi kadar penembusan jalur lebar talian tetap akan menyumbang kepada pertumbuhan KDNK sebanyak 1.38%, iaitu sebanyak RM20 billion.

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan NFCP di Negeri Selangor adalah amat penting bagi menjana pertumbuhan ekonomi negeri. Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) menjangkakan sebanyak 20,000 peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan sepanjang tempoh 5 tahun pelaksanaan NFCP.

Hasil daripada pembinaan infrastruktur digital di bawah NFCP ini akan membolehkan rakyat di Negeri Selangor mendapat akses kepada perkhidmatan jalur lebar yang lebih berkualiti dan seterusnya dapat merebut peluang di dalam ekonomi digital.

Pelaksanaan liputan infrastruktur fiberisasi di seluruh Negeri Selangor akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh 3 tahun bermula dari Suku Keempat 2019 sehingga akhir Disember 2021. Jalur lebar minimum adalah 30 Mbps dan boleh mencecah 1 Gbps.

Selain itu, di bawah NFCP, dijangkakan 70% kawasan sekolah, hospital, perpustakaan, balai polis dan Pejabat Pos di seluruh Negeri Selangor juga akan dihubungkan dengan rangkaian gentian optik menjelang tahun 2022.

Ketersediaan kelajuan Gigabit di kawasan perindustrian terpilih menjelang tahun 2020. Antara yang akan menerima manfaat ini ialah Kawasan Perindustrian Bukit Jelutong, Kawasan Perindustrian Bukit Beruntung dan Techno Industrial Park, Klang.

#### **STRATEGI KEDUA : MERENCANA AGENDA PENDIDIKAN UNGGUL**

Penyediaan modal insan yang dapat bersaing sama ada di dalam mahupun di luar negara serta relevan dengan persekitaran semasa adalah sangat penting untuk pembangunan negeri secara holistik. Ini mengingatkan saya kepada kata-kata Ralph Waldo Emerson bahawa *“there is no knowledge that is not power.”*

Ilmu dan hikmah adalah suatu kekuatan. Rakyat yang berilmu, berhikmah dan berintegriti adalah sumber kekuatan kepada negeri ini. Rakyat yang berilmu akan menjana Selangor menjadi negeri terunggul. Kerana itu kita menumpukan usaha yang besar untuk memastikan akses pendidikan kepada segenap lapisan masyarakat.

Bagi maksud itu Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 334.15 juta bagi merencana agenda pendidikan unggul. Jumlah ini adalah bersamaan dengan 14 peratus dari jumlah keseluruhan belanjawan berbanding hanya 11 peratus pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri terhadap agenda pendidikan rakyat Negeri Selangor.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

### **Program Tuisyen Rakyat**

Kerajaan Negeri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor rentetan sinergi pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) yang dapat dilaksanakan secara bersepadu pada tahun 2019.

PTRS telah memberikan manfaat kepada 10,000 pelajar bagi tahun 2019 berbanding 4,453 pelajar di tahun 2018. Hal ini memperlihatkan bagaimana sinergi dan kolaborasi pintar melibatkan golongan pendidik melalui Pejabat Pendidikan Daerah memberikan dampak positif yang lebih meluas.

Justeru untuk maksud ini Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan sejumlah RM 10 juta bagi tujuan pelaksanaan PTRS, melalui pendanaan khusus oleh MBI ataupun Menteri Besar Incorporated (Pemerbadanan) dan Kumpulan Perangsang Selangor.

Mekanisme pelaksanaan juga dikembangkan bukan hanya untuk calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tetapi turut meliputi persediaan untuk calon-calon anak kita di Ujian Pelajaran Sekolah Rendah (UPSR) bagi tahun 2020.

Tidak terhad kepada program pengajaran dan pembelajaran (P&P), Kerajaan Negeri juga mengorak langkah dalam penyediaan Pakej Makanan Percuma (PMP) kepada semua pelajar yang terlibat dalam program PTRS bagi tahun 2020.

Ahli Yang Berhormat sekalian,

### **Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)**

Kerajaan Negeri ingin merencana agenda pendidikan bermula dari zaman kecil lagi. Bagi meneruskan agenda kepedulian rakyat melalui pendidikan, Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS) akan diteruskan. Pada tahun 2019, sejumlah 3636 penerima telah memperoleh manfaat melalui skim ini. Bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri memperuntukkan dana berjumlah RM 3 juta bagi meneruskan program ini. Peruntukan ini akan memberi manfaat sekitar 5,000 orang penerima di tahun 2020.

### **Program Selangor BITARA**

Sebermula tahun 2020, Kerajaan Negeri akan melaksanakan penstrukturan dan penjenamaan semula inisiatif Selangor Brain Bank kepada Program Selangor BITARA. Program Selangor BITARA ini, sebelum ini dikenali dengan Selangor Brain Bank yang menawarkan biasiswa penuh bagi rakyat Selangor untuk melanjutkan pengajian Doktor Falsafah (PhD) di universiti terkemuka negara. Melalui penjenamaan dan penstrukturan Selangor BITARA. Kerajaan Negeri memperluaskan tajaan kepada pelajar cemerlang Negeri Selangor khusus bermula dari pelajar tingkatan 4 lagi.

Kumpulan pelajar ini akan dikenalpasti melalui mekanisme bersepadu melalui jalinan kolaborasi bersama-sama agensi seperti Jabatan Pendidikan Negeri serta Pejabat MARA Selangor.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Mereka seterusnya akan dilatih dan diberikan pendedahan oleh pakar ke arah mempersiapkan mereka untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti terkemuka seperti Havard, Cambridge, Oxford ataupun universiti-universiti bertaraf Ivy League mahupun Peking Universiti di China dalam bidang yang kritikal kepada industri di Selangor.

Kumpulan pelajar ini akan terus dipantau prestasi akademik mereka, dan kemudiannya akan ditempatkan di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Selangor ataupun pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor usai menamatkan pengajian. Bagi tujuan ini, peruntukan yang akan disediakan adalah sebanyak RM 4 juta.

### **Majlis Konsultasi Akademia-Industri Selangor**

Ke arah menggiat peranan ahli akademik dalam memperkemas agenda Selangor selaku hab pendidikan unggul Malaysia, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menubuhkan Majlis Konsultasi Akademia-Industri Selangor (MKAIS) yang melibatkan Naib-naib Canselor/Presiden-Presiden Universiti Seluruh Selangor pada tahun 2020.

Majlis ini kelak akan berperanan untuk merentas kesalinghubungan ahli-ahli akademik dengan Kerajaan Negeri Selangor dalam aspek penyelidikan, pembangunan sosio-ekonomi serta pembangunan sosio-budaya khususnya dalam merealisasikan agenda Klusterisasi Negeri Selangor melalui segmen kepakaran yang tersedia di setiap Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) ternama di Negeri Selangor.

Sejumlah RM 1 juta diperuntukkan dalam bentuk geran penyelidikan yang boleh dimanfaatkan secara dua hala demi menjamin keberkesanan akademia-industri Negeri Selangor.

### **IKTISASS**

Pelaksanaan Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) adalah antara tunjang utama agenda Kerajaan Negeri dalam pembangunan sumber tenaga manusia dan kebolehpasaran mahasiswa yang dapat memenuhi keperluan industri serta dapat menarik dan mengekalkan pelabur di Negeri Selangor.

Program TVET adalah antara produk utama dalam inisiatif ini. Sebagai negeri masa hadapan Malaysia, Selangor terus menerajui agenda TVET untuk anak-anak muda bermula dari tahun 2016 lagi. Kerajaan Negeri akan meneruskan komitmen ini dengan memperuntukkan sebanyak RM20 juta lagi bagi tahun 2020.

Bagi memastikan pelaksanaan Program IKTISASS dapat dilaksanakan secara efektif dan sistematik, kerangka struktur organisasi telah dirancang dan dilaksanakan dengan Penubuhan Jawatankuasa IKTISASS. Pada Tahun 2020 kerajaan negeri dalam proses penubuhan Institut IKTISASS yang bakal memainkan peranan seperti Federal Institute for Vocational Education and Training (BIBB) di Jerman yang menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan IKTISASS di Negeri Selangor yang dianggotai oleh Jabatan/Agensi Kerajaan, Pemain Industri, Akademia dan Institut Pendidikan/Penyelidikan.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Usaha tersebut diteruskan dengan penjenamaan semula Kolej Antarabangsa INPENS kepada Pusat Pembangunan Latihan Kemahiran dan Teknikal Negeri Selangor yang akan memberikan fokus kepada latihan kemahiran dan kursus profesional yang berorientasikan industri dan beroperasi di bawah Institut Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Negeri Selangor.

### **Himpunan Mahasiswa Selangor**

Kerajaan Negeri percaya bahawa potensi mahasiswa Selangor, baik dalam mahupun luar negara, wajar digilap dan dikembangkan ke tahap terbaik kerana mereka inilah aset negeri Selangor.

Pada tahun ini saya berkesempatan turun beberapa buah Universiti Awam (UA) melalui Jelajah Maju Bersama Ke IPT, antaranya ke Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan juga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjelang November ini.

Demikian juga melalui program Konvensyen Mahasiswa Selangor Timur Tengah yang mengumpulkan mahasiswa Selangor di Mesir, Jordan dan Maghribi serta penubuhan Komuniti Mahasiswa Darul Ehsan Se-Indonesia (KOMDES) hasil kunjungan ramah mesra delegasi Kerajaan Negeri Selangor ke negara-negara tersebut.

Justeru bagi tahun 2020, program mahasiswa Selangor akan diperkasakan melalui peruntukan sejumlah RM1 juta melalui Penganjuran Konvensyen Mahasiswa Selangor di Timur Tengah dan Indonesia dan Program Bakti Siswa Negeri Selangor dan Program Pembangunan Mahasiswa Negeri Selangor.

### **Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Selangor**

Alhamdulillah, Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi Selangor 2019 berjaya dilaksanakan buat julung kalinya yang merangkul lebih 300 penyertaan pempamer. Bagi tahun 2020, sejajar dengan usaha merealisasikan agenda Selangor Negeri Pintar Unggul Serantau, sejumlah RM 3 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan RD&I Expo ini dengan fokus baharu yakni penyertaan universiti tersohor serantau seperti Mahidol University, Universitas Indonesia, Institut Teknologi Bandung dan National University of Singapore (NUS).

### **Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor**

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM16.6 juta di bawah Peruntukan Pembangunan bagi tujuan pembiayaan pendidikan melalui Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor. (TKWBNS)

Bermula tahun 2019, pemurnian dasar telah dibuat bagi semua skim pembiayaan pendidikan di bawah TKWBNS. Sebanyak 7 program yang merangkumi pembiayaan pendidikan bagi peringkat siswazah dan pascasiswazah di dalam dan luar negara; diletakkan di bawah 2 kategori iaitu Peduli Siswa dan Program Khas.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Program-program di bawah Peduli Siswa adalah terbuka kepada semua warga Selangor yang memenuhi syarat kelayakan dan terbahagi kepada 5 skim iaitu:

- i. Pinjaman Boleh Ubah Dalam Negara;
- ii. Pinjaman Boleh Ubah Luar Negara;
- iii. Biasiswa Khas Dato' Menteri Besar;
- iv. Biasiswa Khas BITARA; dan
- v. Biasiswa Sagong Tasi.

Manakala skim di bawah Program Khas pula adalah ditawarkan khusus bagi pelajar Sekolah Alam Shah iaitu Program Khas Biasiswa DYMM Sultan Selangor; dan khas bagi kakitangan Negeri Selangor iaitu Program Khas Kakitangan Kerajaan Negeri.

### **Bantuan Sekolah Negeri Selangor**

Sebagaimana yang telah dilaksanakan sejak tahun 2017, Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor yang merupakan program bantuan penambahbaikan infrastruktur sekolah-sekolah di Negeri Selangor kekal diteruskan dengan peruntukan sejumlah RM26 juta bagi tahun 2020.

Penambahbaikan yang dilaksanakan bagi tahun 2020 ialah mekanisme permohonan yang lebih sistematik dan dijalin hubung dengan pendataan strategik melalui kerjasama pintar Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini seharusnya dapat memastikan bantuan sekolah yang disalurkan dapat berperanan dengan lebih efektif dan bersasar.

Bagi tahun 2020, agihan pecahan adalah seperti berikut:

- (i) Sekolah Agama Rakyat
- (ii) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
- (iii) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, dan;
- (iv) Sekolah Mubaligh dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK)

### **Hadiah Anak Masuk Universiti (HPIPT)**

Selaras dengan tekad bagi memberdaya rakyat negeri Selangor menerusi agenda pendidikan yang holistik, Kerajaan Negeri Selangor telah menambah baik program Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT) atau lebih dikenali dengan Hadiah Masuk Universiti.

Syarat kelayakan dari segi pendapatan minimum isi rumah juga telah dinaikkan daripada RM3,000 ke bawah kepada RM5,000 ke bawah. Penambahbaikan program Hadiah Pengajian IPT ini berasaskan tekad Kerajaan Negeri Selangor agar lebih ramai pelajar dan keluarga yang akan menerima manfaat dari hasil masyhur Kerajaan Negeri.

Sehingga kini, seramai 71,446 mahasiswa/siswi telah menerima manfaat dari inisiatif ini. Bagi Hadiah Anak Masuk Universiti atau Hadiah IPT, Kerajaan Negeri komited meneruskan inisiatif ini bagi tahun 2020 dengan peruntukan sejumlah RM2.45 juta.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

### **Menyemarakkan Pendidikan Islam**

Ibnu Khaldun menerusi karyanya Mukaddimah melontarkan suatu teori yang dikenali sebagai Umran yang dikenali dan dikaitkan dengan peradaban ataupun tamadun. Akan tetapi Umran juga merangkumi antaranya kemakmuran.

Oleh itu usaha kita untuk menyemarakkan pendidikan Islam mestilah berasaskan keinginan untuk membangunkan jiwa-jiwa yang soleh yang mampu memimpin Umran ataupun tamadun. Pendidikan Islam seharusnya bagaikan hujan lebat yang menyuburkan tanah buat kita bercucuk tanam bukannya bagai api besar yang membakar hangus manusia dan bumi ini.

Justeru sejumlah RM 237.89 juta diperuntukkan bagi program pendidikan Islam. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 199.82 juta disediakan di bawah sektor pendidikan JAIS termasuklah bagi tujuan pembayaran gaji guru-guru Kafa serta kakitangan kontrak dalam sektor pendidikan.

Sebanyak RM37.18 juta pula diperuntukan bagi pembangunan sekolah-sekolah agama termasuk maahad tahfiz. Antaranya adalah SRA Denai Alam yang diperuntukkan sebanyak RM4 juta, SRA Bandar Country Homes dengan peruntukan sebanyak RM6 juta, Maahad Integrasi Tahfiz Sains & Teknologi Istana Bandar dengan peruntukan sebanyak RM8 juta dan Maahad Integrasi Tahfiz Sains & Teknologi Kg Pandan dengan peruntukan sebanyak RM8.03 juta. Sementara itu, program Fast Track SPM Huffaz pula di teruskan dan diperuntukkan sebanyak RM1.9 juta.

Ahli Yang Berhormat sekalian, kita masuk ke,

### **STRATEGI KETIGA : MEWUJUDKAN SELANGOR YANG SELAMAT, SIHAT DAN SEJAHTERA.**

#### **Kesihatan**

##### **Skim Peduli Sihat**

Dasar kesihatan yang menyeluruh dan berdaya saing akan terus memacu perkembangan ekonomi dan memastikan rakyat terus menikmati kualiti kehidupan yang jauh lebih baik. Justeru, dalam merealisasikan impian tersebut, Kerajaan Negeri akan meneruskan program Skim Peduli Sihat.

Pada tahun 2020 Kerajaan Negeri bersetuju menambah bilangan penerima sebanyak 20 ribu orang lagi penerima menjadikan jumlah peruntukan kepada RM42.5 juta dan memberi manfaat kepada 85 ribu penerima-penerima berbanding sebelum ini yang menerima ada 65 ribu orang selepas penajaran program.



### **Rawatan Tuberkulosis**

Kerajaan Negeri peka dan mengambil maklum mengenai peningkatan kes jangkitan penyakit Tuberculosis ataupun tibi di Selangor di mana telah mencatatkan bilangan kes tertinggi bagi tahun 2018 dan turut mencatatkan peningkatan kes kematian bagi penyakit tersebut.

Punca utama penularan penyakit ini adalah disebabkan pesakit lewat menerima rawatan atau pesakit gagal mendapatkan rawatan yang sempurna.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, sebanyak 74% pesakit yang berpendapatan RM1,000 gagal mendapatkan rawatan sempurna kerana menghadapi masalah kewangan dan kos sara hidup.

Dalam mendepani cabaran peningkatan kes-kes penyakit tibi, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM2 juta yang bakal memberi manfaat kepada kira-kira 3,750 pesakit tibi yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM1,000 bagi mendapatkan rawatan sempurna dalam tempoh enam (6) bulan. Program ini merupakan program julung-julung kali diadakan di Malaysia bagi menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri mengurangkan kes-kes penyakit tibi dan sekaligus menjamin kesihatan dikalangan rakyat.

### **Pencegahan Dan Kawalan Denggi**

Perang terhadap aedes dan denggi akan tetap diteruskan pada tahun 2020 bagi memastikan negeri Selangor bebas denggi sepenuhnya. Bagi tujuan tersebut, sebanyak RM5 juta akan diperuntukkan bagi memerangi aedes merangkumi aktiviti-aktiviti pencegahan dan kawalan denggi di seluruh Selangor.

### **Program Gaya Hidup Sihat**

Dalam menjayakan hasrat mewujudkan Selangor Negeri Sihat, sebanyak RM1.5 juta akan turut diperuntukkan bagi aktiviti-aktiviti dan program-program gaya hidup sihat yang akan dijalankan di seluruh negeri Selangor.

### **Kesedaran dan Pencegahan Penyakit Mental**

Menurut Kajian Morbiditi Kesihatan Kebangsaan mendapati setiap tiga (3) orang daripada sepuluh (10) orang dewasa berusia lebih daripada 16 tahun menderita pelbagai isu kesihatan mental. Lebih mengejutkan, penyakit mental dijangka menjadi masalah kesihatan kedua terbesar menjejaskan rakyat Malaysia menjelang 2020 selepas penyakit jantung. Justeru, dalam mengatasi dan membendung masalah penyakit mental, Kerajaan Negeri akan turut sama berganding bahu dan akan memperuntukkan sebanyak RM 1 juta lagi pada tahun 2020 bagi aktiviti-aktiviti kesedaran dan pencegahan penyakit mental.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

### **Pemeriksaan Kesihatan Penjawat Awam**

Kebajikan penjawat awam akan terus terbela di Negeri Selangor. Negeri Selangor amat menitik beratkan kesihatan penjawat awam yang merupakan aset penting kepada Kerajaan Negeri dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Selangor.

Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.5 juta di mana sejumlah RM500 ribu bagi membolehkan Penjawat Awam Selangor melakukan pemeriksaan kesihatan penuh di klinik-klinik swasta yang akan dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri. Dianggarkan seramai 1,000 orang akan menerima manfaat dalam tahun 2020.

Manakala, Skim Peduli Sihat Penjawat Awam yang diperkenalkan pada tahun 2019 akan diteruskan pada tahun 2020 dengan peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta.

### **Skim Insurans Berkelompok Ketua Kampung Tradisi dan Ketua Kampung Baru/Bagan dan Ketua Komuniti India**

Pada masa ini, terdapat seramai 494 orang Ketua Kampung di Negeri Selangor yang melibatkan kampong (Tradisi, Bagan, Ketua Komuniti India, dan Kampung Baru) yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi membantu menguruskan hal-hal berkaitan dengan pentadbiran di kampung masing – masing.

Mereka juga membantu Kerajaan Negeri dalam usaha melahirkan komuniti masyarakat yang berilmu, berdaya saing dalam meningkatkan taraf hidup bermasyarakat di samping berusaha menjaga keharmonian di kampung mereka.

Sehubungan itu, sebagai tanda penghargaan dan keprihatinan terhadap usaha dan khidmat bakti yang telah diberikan, Kerajaan Negeri mengumumkan peruntukan khas skim perlindungan insurans berkelompok kepada kesemua Ketua Kampung yang telah dilantik di dalam Negeri Selangor.

Dengan itu, Ketua Kampung akan diberi perlindungan sekiranya berlaku kematian, hilang keupayaan kekal, layak juga untuk mendapat manfaat belanja perubatan, elaun penghospitalan dan belanja pengebumian yang disebabkan oleh kemalangan. Insurans ini akan memberi perlindungan sehingga RM15 ribu untuk kematian dan cacat kekal, RM13 ribu untuk caj hospital, serta khairat kematian berjumlah RM1,000.

### **Keselamatan**

#### **Geran Komuniti**

Kerajaan Negeri amat prihatin dan serius dalam menangani permasalahan rakyat terutama melibatkan aspek keselamatan komuniti. Oleh yang demikian, dalam membangunkan Negeri Selangor ke arah bandar selamat, negeri maju dan komuniti sejahtera, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM2 juta sebagai geran komuniti untuk meningkatkan aspek-aspek keselamatan serta memberikan kesedaran kepada komuniti setempat tentang kepentingan mewujudkan suasana tempat tinggal yang selamat, aman dan harmoni.

### **Pemasangan CCTV**

Pemasangan kamera litar tertutup atau CCTV merupakan salah satu elemen dalam Program Bandar Selamat yang diperkenalkan oleh PLANMalaysia pada tahun 2004 lagi.

Sehingga Oktober 2019, sebanyak 775 unit CCTV telah dipasang di seluruh Negeri Selangor. Bagi memastikan sistem CCTV sedia ada mengikut keperluan semasa dengan teknologi terkini, Kerajaan Negeri akan menambahbaik spesifikasi CCTV melalui kaedah *technology refreshment* serta mengkaji semula lokasi sedia ada dengan mengambil kira pandangan daripada pihak berkuasa seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM).

Bagi mewujudkan negeri Selangor yang selamat dan didiami dengan sempurna oleh rakyat, Kerajaan Negeri akan menambah jumlah CCTV daripada jumlah 700 lebih pada tahun ini kepada 5,000 unit di seluruh negeri Selangor dan CCTV ini akan dilengkapi teknologi *face recognition* dan akan diselia dari *command centre* yang diwujudkan bertujuan untuk menyelaraskan data bagi tujuan keselamatan. Inisiatif ini akan dibiayai melalui dana 'Smart State' yang diumumkan pada strategi pertama tadi.

### **Skim Polis Bantuan**

Bagi memperkasakan keselamatan rakyat Negeri Selangor, Kerajaan Negeri akan bersama-sama Polis Di Raja Malaysia dalam usaha membanteras jenayah di Negeri Selangor. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri akan melaksanakan inisiatif penyerapan skim Penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan kepada Skim Polis Bantuan mulai tahun 2020.

Sebagai inisiatif perintis, usaha ini akan melibatkan seramai 180 anggota dari 9 PBT yang akan dikenalpasti meliputi 2 Majlis Bandaraya, 6 Majlis Perbandaran dan 1 Majlis Daerah. Sebanyak RM 2 juta akan disediakan oleh PBT berkenaan untuk melaksanakan penaiktarafan Skim Penguatkuasa kepada Skim Polis Bantuan.

### **Komuniti**

#### **Program Nadi Desa**

Bersesuaian dengan penjenamaan semula pengurusan kampung daripada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), maka konsep Kursus Ikatan Desa diolah semula kepada Program Nadi Desa dengan konsep yang lebih relevan.

Program Nadi Desa akan dilaksanakan berkonsepkan Latihan – Teori, Pemahaman, Latihan Dalam Kumpulan (LDK), Pembentangan dan Tugas Kerja Kursus. Praktikal – Pelaksanaan kerja kursus di kampung setelah tamat latihan dan penyaluran dana kepada kampung yang terpilih bagi membolehkan pelaksanaan kerja kursus di kampung dapat dilaksanakan melalui biro – biro MPKK termasuklah isu keselamatan. Peruntukan disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan ini adalah sebanyak RM300 ribu.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Ahli Yang Berhormat sekalian,

### **Elaun Ketua-Ketua Komuniti India**

Ketua Komuniti Kaum India merupakan salah satu jentera pentadbiran Kerajaan Negeri di peringkat akar umbi yang berfungsi untuk membantu menyalurkan, menyampaikan hasrat dan maklumat yang berkaitan serta mendapatkan maklumbalas dan cadangan bagi permasalahan yang timbul di sesebuah kawasan yang mempunyai komuniti masyarakat India.

Justeru itu, melihat daripada aspek bebanan tugas, kos sara hidup yang semakin meningkat serta cabaran yang semakin rumit yang dihadapi oleh Ketua Komuniti Kaum India di kawasan komuniti masing – masing, Kerajaan Negeri Selangor telah mencadangkan untuk menyelaraskan elaun bulanan Ketua Komuniti Kaum India sebagaimana elaun Ketua Kampung Tradisi dan Ketua Kampung Baru Cina iaitu sebanyak RM1,200 sebulan. Bagi tujuan ini Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM700,000 bagi tahun 2020. Kadar ini akan bermula pada Januari 2020.

Dengan peningkatan elaun Ketua Komuniti Kaum India ini, Kerajaan Negeri meletakkan harapan yang tinggi supaya setiap Ketua Komuniti Kaum India dapat memberi kualiti perkhidmatan yang terbaik dan seterusnya melaksanakan amanah dan tanggungjawab masing – masing dengan cekap, berkesan dan amanah bagi membantu Kerajaan Negeri mencapai matlamat untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan juga negeri yang kita cintai.

### **Bas Smart Selangor**

Kepelbagaian jaringan pengangkutan di Negeri Selangor perlu diperluaskan dengan kesalinghubungan antara pengangkutan awam melalui integrasi First Mile Last Mile yang menyeluruh.

Mod pengangkutan seperti perkhidmatan bas yang cekap, ketersediaan pengangkutan alternatif seperti skuter dan basikal elektrik serta perkhidmatan e-hailing merupakan corak pengangkutan moden dan ringkas dalam memberi jaminan terhadap kebolehsampaian pengangkutan awam yang lebih menyeluruh.

Selaras dengan itu juga, Pihak Berkuasa Tempatan harus mengambil pendekatan untuk menilai laluan-laluan Bas Smart Selangor agar lebih terhubung dengan jajaran dan stesen-stesen pengangkutan awam seperti MRT, LRT yang baru dan sedang dalam pembinaan agar lebih bermanfaat kepada rakyat apabila ianya siap dan beroperasi pada masa hadapan.

Bas Smart Selangor kini mempunyai 41 laluan di 11 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan 130 buah bas mendapat sokongan padu di kalangan rakyat Malaysia. Jumlah penumpang bagi tempoh sehingga 31 Ogos 2019 adalah sebanyak 38 juta orang, memberikan jaminan serta komitmen untuk Kerajaan Negeri mengekalkan kelangsungan perkhidmatan Bas Smart Selangor dengan peruntukan sejumlah RM30 juta pada tahun 2020.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Capaian perkhidmatan Bas Smart Selangor adalah sangat relevan dan perlu diteruskan dalam mengukuhkan kesalinghubungan pengangkutan yang cekap serta bermanfaat untuk kesejahteraan hidup rakyat.

Bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan caj bayaran perkhidmatan Bas Smart Selangor sebanyak RM1 kepada warga asing yang menaiki bas tersebut. Bagaimanapun bagi warganegara Malaysia, perkhidmatan ini masih lagi percuma.

Pihak SSDU akan menyediakan sistem 'Tap To Ride' pada semua Bas Smart Selangor bagi membolehkan warganegara menggunakan Kad Pengenalan untuk menaiki bas tersebut. Kutipan bayaran caj perkhidmatan ini akan digunakan untuk menyelenggara bas, menambah jumlah bas serta laluan-laluan baru bagi menambah jumlah laluan bas percuma untuk rakyat Negeri Selangor.

### **STRATEGI KEEMPAT : MENJAMIN KELESTARIAN ALAM SEKITAR**

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan gelombang Greta Thunberg yang menjana pergerakan menuntut perhatian terhadap isu pemanasan global. Greta menjadi perhatian kerana anak gadis yang baru berusia 16 tahun dan mesej beliau yang jelas dan kerap agak garang.

Sudah pastinya Greta bukanlah sosok terawal yang menukilkan perihal pemanasan global. Namun anak muda ini kini menjadi suri tauladan kepada kita untuk bersikap serius terhadap permasalahan alam sekitar demi generasi masa hadapan.

#### **Pemasangan Panel Solar**

Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberikan tumpuan yang lebih kepada pembangunan teknologi hijau bagi memastikan Negeri Selangor menuju ke aras negeri yang melaksanakan pembangunan mampan secara holistik.

Bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan pemasangan panel-panel solar di bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor. Seterusnya, Kerajaan Negeri juga amat menggalakkan semua PBT di negeri Selangor memperluaskan pemasangan panel solar termasuk di bangunan dan kawasan seliaan di bawah PBT dengan penggunaan kaedah kerjasama strategik bersama pihak-pihak berkepentingan.

#### **Program Tanam Pokok Dalam Bandar**

Program Tanam Pokok Dalam Bandar adalah inisiatif Kerajaan Negeri dalam mewujudkan suasana yang selesa dan sejahtera dan pada masa yang sama mengimbangi pembangunan di bandar dengan kelestarian alam sekitar. Secara dasarnya program ini menekankan penanaman pokok teduhan yang bersifat rendah karbon terutama di dalam kawasan bandar.

Sejajar dengan kerangka Low Carbon City Framework (LCCF) dan elemen penghijauan kawasan dalam taman, Selangor dalam usaha mencapai pengurangan carbon dioksida CO2 sebanyak 40% menjelang tahun 2030.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Komitmen Kerajaan Negeri dalam melaksanakan polisi Low Carbon City menerima pengiktirafan apabila Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah menerima anugerah Diamond Recognition, Low Carbon Cities Award untuk tahun 2019.

Untuk tahun 2020, Kerajaan Negeri akan memperuntukan RM500 ribu bagi program Tanam Pokok Dalam Bandar dan mensasarkan untuk menanam 5,000 pokok di sekitar bandar utama di Negeri Selangor.

### **Konsep Taman Dalam Bandar**

Tahun 2020 merupakan permulaan kepada pelaksanaan satu konsep perumahan yang baru di Selangor di mana kerajaan negeri akan merealisasikan model jaringan hijau bagi melestarikan kehidupan komuniti dengan mewujudkan konsep taman dalam bandar.

Pembiayaan kajian reka bentuk dan model jaringan hijau bagi kawasan zon 1 Negeri Selangor telah dimulakan pada tahun 2019 dan akan disempurnakan pada tahun 2021 dengan anggaran kos sebanyak RM162,950.00.

Manakala projek perintis bagi pelaksanaan Model Jaringan Hijau juga telah dikenalpasti iaitu pembangunan Taman Rakyat Selangor dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM40 juta. Pembangunan Taman Rakyat ini akan dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Perancangan pembangunan Taman Rakyat ini akan dimulakan pada tahun 2020 tetapi pembangunan fizikal akan bermula pada 2021 di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12).

Usaha sama bersama Pihak Berkuasa Tempatan ini adalah salah satu inisiatif untuk meningkatkan jumlah kawasan lapang dan hijau bagi tujuan rekreasi santai yang dekat dengan tempat tinggal selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh PlanMalaysia.

### **Pusat Kitar Semula PBT**

Kerajaan Negeri amat prihatin dan sentiasa komited dalam memastikan setiap perancangan dan pembangunan yang dilaksanakan secara holistik bagi mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan pembentukan masyarakat yang sejahtera.

Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor akan memberi fokus kepada pewujudan Pusat Kitar Semula yang komprehensif di semua PBT di Negeri Selangor selaras dengan konsep Ekonomi Kitaran atau Circular Economy iaitu Waste to Wealth.

Justeru, bagi menjayakan hasrat itu, pada tahun 2020 Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM600 ribu bagi mewujudkan Pusat Kitar Semula yang komprehensif di semua PBT di Negeri Selangor.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

### **Sukarelawan Hijau**

Pada bulan Mac 2019 kita dikejutkan dengan tragedi pencemaran sisa toksik di Sungai Kim Kim yang telah menjejaskan kesihatan lebih 2,000 orang awam dan menyebabkan 111 sekolah di Pasir Gudang ditutup. Selain itu, pada bulan September tahun ini, isu jerebu pula melanda negara dan telah menyebabkan semua sekolah di Negeri Selangor terpaksa ditutup selama beberapa hari.

Kesan perubahan iklim dan isu pemanasan global semakin hari semakin sukar untuk ditangani. Maka tidak hairanlah sekiranya kita lihat dan baca hampir setiap hari berita mengenai keadaan cuaca tidak menentu, masalah banjir, kemarau berpanjangan, masalah bekalan air, ribut secara tiba-tiba, tanah runtuh dan sebagainya.

Tidak dinafikan bahawa masalah ini adalah berpunca daripada tangan-tangan manusia sendiri berikutan pembangunan yang tidak mengambilkira kesan terhadap alam sekitar, penebangan hutan, pembakaran terbuka, pencemaran di sungai dan laut dan sebagainya.

Menyedari kepentingan ini, Kerajaan Negeri Selangor melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan mewujudkan sukarelawan hijau dalam kalangan komuniti setempat bagi melaksanakan program-program secara berkala bagi tujuan menghijaukan alam sekitar, mengindahkan landskap, menjaga kebersihan kawasan sekitar dan memastikan kawasan masing-masing bebas dari pembakaran terbuka dan pencemaran. Peruntukan adalah sebanyak RM1.5 juta.

### **Friends of Rivers (Sahabat Sungai)**

Sungai merupakan nadi kehidupan dan menjadi aset penjana ekonomi di Negeri Selangor. Pembangunan yang pesat di lembangan sungai telah memberikan kesan terhadap kuantiti dan kemerosotan kualiti air sungai berpunca dari pelbagai aktiviti ekonomi di persekitarannya.

Pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam memastikan sungai diurus dengan baik dengan melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu/Integrated River Basin Management (IRBM) yang memerlukan penglibatan semua pihak bagi menjamin kelestarian sumber air dan selaras dengan Sustainable Development Goals (SDGs) diperingkat global.

Konservasi yang terancang dengan penglibatan pelbagai pihak merupakan aspek utama dalam memastikan sasaran peningkatan kualiti air sungai dan juga ekosistem persekitarannya. Pembangunan Road Map/Blue Print Pemuliharaan Sungai Negeri Selangor (2020-2025) bagi tujuan perancangan aktiviti/program yang akan dijalankan melibatkan pelbagai peringkat seperti pendidikan alam sekitar dengan kolaborasi Institusi Pendidikan/NGO dalam konservasi sungai; program Konvensyen Rakan Sungai Negeri Selangor, Program Sungai Angkat Negeri Selangor, Konsep Goes Green dalam pembangunan sepanjang sungai di samping kempen dan promosi konservasi sungai secara berterusan melalui media sosial. Kerajaan Negeri memperuntukan RM 500 ribu bagi pelbagai program konservasi sungai Negeri Selangor termasuk program Sahabat Sungai (Friends of River).

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Sehingga kini, dianggarkan 16 “Friends of River” diwujudkan di Lembangan Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang pada tahun 2019. Konsep ‘Gotong Royong’ secara mingguan yang dilaksanakan antara tonggak utama dalam memastikan kesepaduan dan kesinambungan berterusan antara semua pihak dalam aktiviti konservasi di sepanjang sungai yang secara tidak langsung meningkatkan rasa kepunyaan kepada sungai. Sasaran 21 Friends Of River/Sahabat Sungai akan diwujudkan dengan kerjasama pelbagai pihak pada tahun 2020.

### **Pengurusan Sisa Pepejal Kawasan Desa**

Keindahan dan kebersihan di kawasan desa harus dipelihara secara bersepadu dalam usaha mencapai visi Smart State yang direncanakan oleh Kerajaan Negeri. Namun, usaha ini memerlukan tindakan proaktif dan kesungguhan baik daripada Pihak Berkuasa Tempatan mahupun masyarakat desa.

Selain daripada perubahan sikap dan mentaliti masyarakat terhadap pentingnya penjagaan alam sekitar dan kebersihan di kawasan desa, kempen kesedaran dan penguatkuasaan yang berterusan harus dilaksanakan.

Dalam konteks pengurusan sisa pepejal domestik di kawasan kampung-kampung di dalam Negeri Selangor, isu longgokan sampah yang tidak terkawal serta pembuangan sampah oleh pihak-pihak luar yang tidak bertanggungjawab merupakan cabaran kepada Kerajaan Negeri bagi memastikan pengurusan kutipan sampah dilaksanakan dengan baik lebih-lebih lagi apabila melibatkan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang tidak memiliki dana yang mencukupi bagi menyelesaikan masalah ini.

Maka, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM6.85 juta untuk pengurusan sisa pepejal dan sampah pukal strata bagi tahun 2020.

### **Program Kitar Semula Kampung Tradisi**

Di negeri Selangor, purata jumlah tan sampah yang dikutip adalah kira-kira 7,000 tan sehari di mana kawasan kampung menyumbang sebanyak kira-kira 500 tan sehari dengan anggaran jumlah penduduk luar bandar seramai 2.2 juta orang.

Tanpa mengeneipkan faktor migrasi bandar dan limpahan pembangunan ke kawasan luar bandar, sudah pasti jumlah sampah ini akan terus meningkat. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa pelan alternatif bagi mengawal situasi tersebut.

Program kitar semula dilihat langkah segera dan mempunyai penyelesaian bagi jangka panjang yang boleh dilaksanakan seperti mewujudkan pusat-pusat kitar semula di kawasan kampung dalam Negeri Selangor serta memberikan pendedahan kepada masyarakat akan kepentingan kitar semula ini.

Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM 500 ribu sebagai projek rintis kitar semula yang akan melibatkan beberapa buah kampung terpilih.



## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Ahli Berhormat sekalian, kita sampai ke,

### **STRATEGI KELIMA : MENJUARAI KEMAMPANAN SOSIAL**

Sesuai dan selari dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memartabatkan kehidupan rakyat negeri ini maka satu strategi khusus dirangka bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat terutamanya golongan anak muda, kaum hawa, warga emas mahupun orang kurang upaya.

#### **Selangor Job Fair**

Kerajaan Negeri Selangor bukan sahaja memberi komitmen yang besar dalam memperkasa pendidikan di Negeri Selangor malah memandang serius tentang masalah pengangguran dengan menyediakan platform dan ruang bagi golongan anak muda untuk mendapatkan pekerjaan dengan menghimpunkan syarikat – syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan melalui program Selangor Job Fair.

Program ini bukan sahaja membantu mengurangkan kadar pengangguran di negeri ini malah juga dapat membantu syarikat-syarikat yang memerlukan tenaga kerja khususnya di tahap kritikal dengan mendahulukan penglibatan di kalangan warga tempatan. Peruntukan disediakan untuk pelaksanaan program ini adalah sebanyak RM800 ribu.

Program Selangor Mega Job Fair 2019 adalah program pertama kali berskala mega yang telah melibatkan sebanyak 180 syarikat swasta terpilih dan 20 Agensi / Jabatan Kerajaan terlibat dalam program ini. Daripada jumlah itu, lebih 12,000 peluang telah ditawarkan dan 20 majikan telah menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) pada hari tersebut.

Program ini telah dilaksanakan pada 16 Mac 2019 dan hampir 20,000 pengunjung telah mendapat manfaat melalui program ini.

#### **Program Bebas Gejala Sosial**

Pelaksanaan program-program menangani gejala sosial diwujudkan sebagai alternatif dan platform bertujuan untuk meminimumkan senario gejala sosial dan jenayah di Selangor.

Pelaksanaan program-program ini juga merupakan agenda penting Kerajaan Negeri untuk melahirkan rakyat cemerlang dan mampu menjadi aset berkualiti kepada negeri bagi merealisasikan hasrat Kerajaan ke arah negeri Smart Selangor.

Masalah penagihan dadah menjadi antara fokus utama Kerajaan Negeri pada tahun 2020. Bagi merealisasikan matlamat Selangor Sejahtera Tanpa Dadah dan seiring dengan gagasan Smart Selangor, Kerajaan Negeri akan berusaha untuk memastikan kes tidak berulang dan kes baru menurun pada tahun 2020.

Oleh itu, Kerajaan Negeri akan memberikan fokus kepada perancangan pelan strategik dan pelaksanaan program secara bersepadu dan komprehensif dengan peruntukan sebanyak RM1 juta. “Jangan *Try*, Nanti Barai” itulah slogan kita.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Untuk memastikan program ini dilaksanakan dengan efektif, pihak kerajaan akan bekerjasama secara lebih serius dengan semua agensi berkaitan dadah seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Selangor, Polis Diraja Malaysia (Bahagian Narkotik), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Selangor untuk bersama-sama memikul tanggungjawab dalam usaha memerangi gejala dadah di Selangor.

Kerajaan Negeri menekankan penglibatan persatuan NGO, agensi dan komuniti untuk sama-sama membantu pihak bertanggungjawab seperti PDRM, AADK dan pihak kerajaan dalam menangani masalah sosial dan jenayah di Selangor.

### **Pembangunan Sukan Dan Pemberdayaan Generasi Muda**

#### **Pembangunan Sukan**

Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan sebanyak RM9.24 juta khusus menitikberatkan aspek pembangunan sukan dan menaiktaraf infrastruktur sukan pada tahun 2020.

Keutamaan diberikan kepada aspek Pembangunan Sukan dengan jumlah peruntukan RM 7 juta. Ini adalah kerana sukan adalah salah satu faktor utama yang telah melonjakkan nama Negeri Selangor, selain dikenali juga sebagai negeri pelopor industri utama di Malaysia.

Selangor telah berjaya melahirkan ramai atlet termasuklah atlet para yang berjaya mengharumkan nama negara di pentas dunia. Semenjak penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA), Selangor telah mempamerkan pencapaian yang cemerlang dengan mendahului negeri-negeri lain.

Sebagai contoh, Selangor juga telah merangkul gelaran juara semasa SUKMA XVIII Sarawak 2016 dengan jumlah keseluruhan kutipan pingat sebanyak 195 pingat (61 emas, 71 perak dan 63 gangsa).

Oleh itu, peruntukan ini akan digunakan sepenuhnya sebagai persiapan menjelang SUKMA 2020 di Johor, di mana Selangor meletakkan matlamat untuk merampas takhta sebagai juara keseluruhan.

Selain itu, peruntukan RM2.24 juta untuk Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan. Ianya adalah bagi memastikan kemudahan sukan yang telah rosak dapat dinaiktaraf untuk digunakan oleh masyarakat setempat sebagaimana tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kesukanan dan riadah ke arah melahirkan masyarakat yang sihat, aktif dan berdaya saing.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Ahli Yang Berhormat sekalian,

Sukan Bola Sepak masih merupakan sukan nombor satu di Negeri Selangor. Sokongan padu jutaan rakyat Selangor kepada pasukan kesayangan Merah Kuning adalah kebanggaan dalam arena sukan tanah air. Kerajaan Negeri menyatakan sokongan padu kepada kepimpinan DYTMM Raja Muda Selangor sebagai Presiden FAS dalam misi mengembalikan kegemilangan dan kejayaan pasukan Red Giants. Menjelang tahun 2020, penstrukturan semula pasukan bola sepak yang melibatkan PKNS dan Selangor FA akan dilaksanakan untuk memperkuatkan pasukan Merah Kuning. Oleh itu, Kerajaan Negeri memperuntukan RM 10 juta sebagai dana permulaan untuk pasukan Selangor merentasi cabaran liga tahun 2020.

### **Pemeriksaan Generasi Muda**

Kerajaan Negeri terus mengiktiraf kepentingan dan keterlibatan Generasi Muda yang mewakili separuh populasi Negeri Selangor untuk bersama-sama berganding bahu menggerakkan agenda pembangunan di negeri ini.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sentiasa komited memperkasakan Generasi Muda Selangor, 'Gen- S' dengan merangka dan menjalankan pelbagai inisiatif terutama berbentuk program berteraskan kriteria 10 teras utama dibawah Dasar Belia Selangor (DBS).

Di samping itu, dalam usaha memperkasakan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) yang merupakan tonggak kepemimpinan belia Kerajaan Negeri, garis panduan dan gerak kerja sedia ada akan diperkemaskan dan diharmonikan agar selaras dengan acuan dan perspektif pandangan belia pada masa ini.

PeBT adalah antara inisiatif belia Negeri Selangor yang menjadi contoh dan ikutan negeri lain. Program PeBT ini terbukti berjaya melahirkan generasi pemimpin muda sebahagian besar atau sebahagian daripada pemimpin Dewan Negeri disini lahir daripada program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) yang dimulakan pada tahun 2009. Ada juga sebahagiannya telah dilantik menjadi Ahli Majlis, Ketua Komuniti dan ada juga yang dilantik menjadi pemimpin-pemimpin dipelbagai peringkat.

Inisiatif ini akan melibatkan pemegang taruh yang secara langsung terlibat dalam pembangunan generasi muda dan juga barisan kepemimpinan PeBT di segenap pelusuk negeri. Sehubungan dengan itu, peruntukan sebanyak RM5.26 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pemeriksaan Generasi Muda dan PeBT di seluruh Negeri Selangor.

### **Wanita & Keluarga**

#### **Akademi Kepimpinan Wanita Selangor**

Pemberdayaan kaum hawa sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Selain menambahbaik pengisian program Pusat Wanita Berdaya (PWB) dengan menambah 10 lagi modul Pembinaan Kapasiti, Kerajaan Negeri telah melancarkan program pemberdayaan wanita iaitu Akademi Kepimpinan Wanita Selangor.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Program yang julung-julung kali diadakan; di mana Selangor menjadi negeri pertama mendanai program intensif pengajian modul kepimpinan seumpama ini, Kerajaan Negeri terus menyatakan komitmen dengan peruntukkan RM500 ribu bagi tahun 2020, agar 100 orang pelajar kelompok pertamaambilan Akademi ini dapat bergraduasi menjelang akhir tahun 2020.

Melalui program ini, pelajar berpeluang dan diberi keutamaan untuk memohon biasiswa pembelajaran sepanjang hayat di bawah Institut Wanita Berdaya (IWB) dengan usahasama Open University Malaysia.

### **Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)**

Sejak diperkenalkan pada tahun 2017, inisiatif Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) telah memberi manfaat kepada hampir 50,000 wanita di Selangor setiap tahun. Inisiatif ini telah berjaya dalam memberdaya kaum wanita sebagai tonggak keluarga.

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat dan menghargai peranan positif golongan wanita dalam pembangunan negeri khususnya pembangunan institusi keluarga yang berkualiti dalam melahirkan masyarakat yang sejahtera.

Untuk tahun 2020, Kerajaan Negeri bersetuju menambah bilangan penerima seramai 5,000 orang yang menjadikan jumlah bilangan penerima program ini adalah 25,000 orang bagi tahun 2020.

Ini bermakna peruntukan bagi program KISS untuk tahun 2020 adalah RM62 juta, dengan pertambahan RM12 juta berbanding peruntukan tahun lepas. Ini adalah bukti komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkasakan dan mengupayakan kaum wanita di Selangor.

### **Work From Home**

Dalam aspek pemberdayaan ekonomi kaum wanita, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM200 ribu untuk projek "*Work From Home*" dengan mensasarkan para penerima KISS yang terdiri daripada suri rumah yang tidak bekerja, ibu-ibu tunggal dan wanita dari keluarga yang kurang berkemampuan, supaya akhirnya mereka mampu menjana pendapatan, mengekalkan pendapatan tersebut secara konsisten dan menaik taraf ekonomi para peserta.

Program ini juga berhasrat untuk membantu para peserta yang terpilih mendaftarkan perniagaan dan produk mereka ke SME Corporation dan MATRADE. Matlamat utama projek ini adalah pengkomersilan produk buatan tempatan ke peringkat antarabangsa untuk menembusi pasaran global yang membolehkan produk wanita Selangor dilihat di seluruh dunia.

### Dasar Mesra OKU

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memberi perhatian sewajarnya kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) terutama Anak-anak Istimewa Selangor (AnIS). Untuk tahun 2020, Bantuan Khas Anak-anak Istimewa Selangor (Bantuan AnIS) diteruskan dengan peruntukan berjumlah RM500 ribu bagi membantu meringankan tanggungan kos saringan, terapi pemulihan, pembelian peralatan dan keperluan khas anak-anak OKU yang ditanggung oleh ibu bapa/ penjaga.

Subsidi Yuran Pendidikan Anak-anak Istimewa Selangor (Didik AnIS) juga diteruskan dengan peruntukan RM1 juta melalui pemberian RM200 sebulan bersamaan dengan RM2,400 setahun kepada setiap seorang anak istimewa Selangor yang menuntut di pusat-pusat intervensi di Selangor yang memenuhi panduan dan syarat yang telah digariskan oleh Majlis Tindakan OKU Selangor (MTOS).

Dalam usaha normalisasi golongan OKU di Selangor, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Rintis Shadow Teacher atau Cikgu Anis di mana Pengasuh dan Guru di taska biasa kini diberikan peluang menerima latihan pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas supaya dapat mengambil /mengasuh anak-anak istimewa di seluruh Selangor.

Sehingga kini, seramai 736 orang Cikgu AnIS telah mengikuti latihan ini dan 368 buah Taska telah mempunyai guru-guru AnIS terlatih manakala seramai 256 Anak-anak istimewa telahpun didaftarkan di bawah jagaan taska-taska terbabit.

Sehubungan itu, bagi tahun 2020, Kursus Latihan Pengasuhan Anak-anak Istimewa di Taska biasa (Cikgu AnIS) akan diteruskan dengan peruntukan RM500 ribu sebagai inisiatif dan sokongan Kerajaan Negeri terhadap keperluan golongan ini.

Kerajaan Negeri juga sedang dalam usaha menubuhkan sebuah Pusat Pemberdayaan Anak-anak Istimewa Selangor dengan memberi fokus kepada anak-anak kategori masalah pembelajaran seperti Autism dan ADHD di mana mereka selama ini tiada ruang untuk melanjutkan pengajian di peringkat pengajian tinggi.

Bagi memastikan kesemua program inisiatif OKU ini dapat berjalan, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menubuhkan Yayasan Anak Istimewa Selangor (YAnIS) dengan suntikan peruntukan berjumlah RM1 juta.

Penubuhan yayasan ini dapat membantu Kerajaan Negeri mengendalikan keperluan semasa seperti pengurusan operasi, pencarian dana dan latihan kemahiran diperlukan dalam merealisasikan program-program pemberdayaan OKU di Selangor. Jadi bila saya bermimpi dan mengigau Anis, bukannya saya terimat mana-mana Anis sebaliknya saya teringat anak-anak istimewa Negeri Selangor.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Ahli Yang Berhormat sekalian,

### **Program Mesra Warga Emas**

#### **Jom Shopping Warga Emas**

Menurut laporan oleh University Malaya Social Wellbeing Research Centre (SWARC), bilangan rakyat Malaysia yang dijangka akan mencecah usia 60 tahun ke atas menjelang tahun 2020 berjumlah 3.5 juta orang iaitu hampir 20 peratus dari jumlah penduduk di Malaysia.

Ini menandakan Malaysia akan memasuki fasa 'populasi menua berdasarkan takrifan World Health Organisation (WHO) adalah negara yang mencecah tujuh peratus penduduk berumur 65 tahun ke atas dari jumlah keseluruhan penduduk.

Bagi mendepani cabaran ini, Kerajaan Negeri telah mengariskan beberapa inisiatif khusus buat golongan warga emas. Pertama, inisiatif Jom Shopping Warga Emas. Untuk tahun 2020, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM20 juta bagi melaksanakan Program Jom Shopping Warga Emas di mana seramai lebih 200 ribu warga emas yang telah mendaftar dalam senarai Skim Mesra Usia Emas akan mendapat manfaat.

Program ini dirangka khusus bagi memberdaya golongan warga emas serta meringankan beban kewangan mereka menjelang musim perayaan. Program ini adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia.

#### **Geran Penjagaan Warga Emas (GEMAS) & Geran Sukarelawan Warga Emas (GESEMAS)**

Program Geran Per kapita kepada golongan Warga Emas (GEMAS) dari kalangan keluarga B40 sebagai subsidi pembiayaan penjagaan mereka di bawah Pusat Jagaan Warga Emas yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM100 ribu sebagai dana awal. Inisiatif ini bertujuan untuk mengurangkan kes-kes warga emas yang terabai dan teraniaya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga sangat menggalakkan penglibatan golongan warga emas yang masih produktif untuk terus menyumbang bakti dalam khidmat kepada masyarakat. Sebahagian besar dari mereka ini adalah dari kalangan mereka yang masih aktif dan cergas serta mahu menabur budi kepada negara.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri untuk tahun 2020 telah menyediakan Geran Sukarelawan Warga Emas (GESEMAS) yang berjumlah RM50,000.00 bagi memberi galakan kepada kumpulan-kumpulan warga emas ini terus menyumbang kepada negeri dan masyarakat.

Sebagai projek rintis, GESEMAS ini akan bekerjasama dengan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di mana mereka boleh bersama-sama membangunkan pendidikan anak-anak istimewa di setiap PDK dalam Negeri Selangor.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

### **Kebajikan Orang Asal**

Kerajaan Negeri Selangor akan memastikan usaha pembangunan dilaksanakan secara seimbang dan menyeluruh termasuk di kawasan luar bandar dan di perkampungan Orang Asli.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan mewujudkan satu Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Orang Asal bagi menyelaraskan dan memantau projek dan program berkaitan Orang Asal di Negeri Selangor.

Untuk itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM 500,000.00 bagi tujuan pembangunan modal insan dan kebajikan Orang Asal seperti menambahbaik puluh rumah serta melaksanakan program pembangunan infrastruktur, peningkatan kesihatan dan ekonomi Orang Asal.

### **Biasiswa Sagong Tasi**

Biasiswa Sagong Tasi diwujudkan khas untuk anak Orang Asal yang mendapat tawaran pengajian di Institut Pengajian Tinggi. Bagi tahun 2020, biasiswa ini akan ditawarkan bagi anak Orang Asal yang belajar di sekolah menengah dan layak atas kriteria-kriteria yang telah ditetapkan termasuk di Universiti.

### **Perumahan**

#### **Rumah Selangorku**

Usaha berterusan oleh Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dalam menyediakan rumah mampu milik pelbagai jenis di lokasi yang strategik telah melepasi sasaran awal sebanyak 30,000 unit sebagaimana yang ditetapkan menjelang 2020.

356. Sehingga 31 Ogos 2019, sebanyak 112,852 unit (262 projek) Rumah Selangorku telahpun diluluskan oleh Kerajaan Negeri di mana 10% iaitu sebanyak 11,555 unit (25 projek) dibangunkan oleh Agensi / Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor manakala baki 90% iaitu 101,297 unit (216 projek) dibangunkan oleh pemaju swasta.

Kerajaan Negeri percaya penglibatan Agensi/Anak Syarikat Kerajaan Negeri seperti PKNS, PNSB, Worldwide Holdings Berhad dan Kumpulan Hartanah Selangor Sdn Bhd dalam menjayakan pembangunan Rumah Selangorku serta kerjasama pintar dengan MBI dalam menjayakan Rumah Idaman menunjukkan komitmen serius dalam memastikan pelaksanaan dasar penyediaan satu keluarga satu kediaman yang sempurna dapat direalisasikan.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Dasar Rumah Selangorku yang mula diperkenalkan pada 1 Januari 2014 telah mencapai sasaran yang ditetapkan dalam mencapai objektif bagi memperbanyakkan penyediaan rumah mampu milik yang lebih berkualiti, selesa, dilengkapi kemudahan yang mencukupi dan mampu dimiliki pada harga jualan yang munasabah antara RM42,000.00 sehingga RM250,000.00 bagi memenuhi keperluan rakyat khususnya dalam kategori B40 dan M40 dengan variasi lima jenis rumah iaitu jenis A, B,C, D dan E berkeluasan antara 700 sehingga 1,000 kaki persegi.

Bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri akan membina 6,379 unit Rumah Selangorku menerusi 19 projek perumahan khusus buat rakyat Negeri Selangor. Kerajaan Negeri mensasarkan untuk menyiapkan 22,664 unit Rumah Selangorku menjelang tahun 2023.

### **Skim Smart-Sewa**

Skim Smart Sewa mendapat sambutan yang menggalakkan terutama daripada golongan millennial. Pada tahun 2020 Kerajaan Negeri akan meneruskan pembiayaan Skim Smart Sewa dengan memperuntukkan dana tambahan bagi membeli unit-unit rumah di lokasi strategik untuk disewakan kepada mereka yang berkelayakan.

Oleh itu, sebanyak 100 unit Rumah Selangorku akan dibeli oleh Kerajaan Negeri bagi merencanakan pelaksanaan Skim Smart Sewa dengan anggaran harga belian RM 200,000.00 seunit dan melibatkan implikasi kewangan keseluruhan berjumlah RM 20 juta sebagai satu inisiatif berterusan yang dilaksanakan bagi menangani kemelut pembeli rumah yang berdepan dengan masalah 'end-financing' atau pembiayaan akhir di mana kadar penolakan oleh bank-bank tempatan atas permohonan pembeli bagi mendapatkan pinjaman perumahan semakin meningkat daripada hari ke hari.

### **Skim CERIA**

Kerajaan Negeri akan meneruskan Skim CERIA dengan peruntukan sebanyak RM10 juta pada tahun 2020 bagi menampung kos pembaikan kemudahan seperti tangki air, lif serta bumbung yang sememangnya melibatkan kos yang agak tinggi.

Bagi mengurangkan beban Kerajaan Negeri, dicadangkan konsep perkongsian kos digunapakai dan skop bantuan dihadkan kepada penduduk yang menunjukkan komitmen serta kesungguhan yang tinggi dan pada masa akan datang, kaedah yang lebih menguntungkan kerajaan seperti perkongsian pintar bersama pemaju atau syarikat melalui program CSR mahupun pembangunan projek solar yang mana sebahagian keuntungan boleh dimanfaatkan bagi program kehidupan bandar.

Kerajaan Negeri berbesar hati meneruskan bantuan kerajaan ini sebagai tanda penghargaan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) yang cemerlang ke arah membentuk sebuah pengurusan komuniti yang berdikari dan berdaya saing.

Insentif ini juga diharapkan dapat memberikan semangat dalam mendidik ke arah membudayakan penjagaan harta bersama di kalangan komuniti dalam kehidupan bandar sejajar dengan Dasar Komuniti Negara.



## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

### **Program Untuk Miskin Bandar (Urban Poor)**

#### **Program Blueprint Pembasmian Kemiskinan**

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan komited dalam mencapai kemiskinan sifar dalam pelbagai dimensi. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam merealisasikan konsep “Distributive Justice” kepada rakyat.

Sebagai tanda kepedulian dan keprihatinan berterusan dalam membantu meringankan bebanan rakyat miskin dalam menghadapi tekanan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan Negeri sentiasa mempelbagaikan inisiatif dalam mengupayakan rakyat untuk keluar daripada kitaran garis kemiskinan.

Oleh yang demikian, dalam meneruskan kesinambungan tersebut beberapa program dalam memberdayakan warga miskin bandar bagi menangani isu ini. Antara program yang memberikan impak tinggi yang akan diteruskan adalah Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan.

Program ini merupakan salah satu daripada usaha yang bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat/ individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya yang melibatkan peniaga-peniaga kecil.

Pemberian bantuan adalah berbentuk peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan seperti perusahaan makanan, jahitan, kraftangan, pemprosesan makanan dan sebagainya dan ianya diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pemohon yang berkelayakan sahaja. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta iaitu pertambahan RM 500,000 berbanding peruntukan tahun lalu.

#### **Program Food Bank Selangor**

Berdasarkan laporan United Nations Sustainable Development Goals (SDG) 2019 setiap satu dari 9 orang manusia mengalami masalah kekurangan khasiat dari makanan.

Sebagai satu usaha Kerajaan Negeri Selangor bagi golongan miskin bandar ataupun ‘urban poor’ di sekitar Selangor, untuk tujuan ini inisiatif Food Bank Selangor dengan dana permulaan RM 5 juta akan dilancarkan.

Program Food Bank Selangor ini akan dilaksanakan di kawasan projek perumahan rakyat (PPR) dengan pengkhususan pada keluarga dalam golongan ‘urban poor’ ataupun miskin bandar.

Program ini akan memberi manfaat sekitar 2,000 keluarga di seluruh negeri Selangor. Inisiatif Food Bank Selangor ini akan dilaksanakan dengan kerjasama pihak PeBT, sukarelawan Team Selangor, Pejabat Khidmat Masyarakat DUN serta Pejabat Parlimen.

**1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

### **Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE)**

Kerajaan Negeri Selangor peka dan prihatin dengan trend 'gig economy' yang semakin meluas di Malaysia. Oleh itu, bagi menggalakkan anak muda melibatkan diri dalam bidang ini, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE).

Kerajaan Negeri akan memberi subsidi sebanyak RM 350 seorang bagi anak muda mengambil kursus latihan lesen motosikal. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1 juta bagi inisiatif ini yang akan memberi manfaat kepada hampir 3,000 anak muda seluruh Selangor terutamanya golongan miskin bandar. Program ini akan dilaksanakan dibawah Jabatan Belia Majlis Sukan Negeri Selangor (MSN). Dengan adanya lesen motor ini, mereka dapat melibatkan diri dalam sektor perkhidmatan dan logistik sebagaimana yang ditunjukkan oleh Bukit Lanjan sebentar tadi.

### **Pusat Kebudayaan dan Inisiatif Kota Seni**

Kepelbagaian kebudayaan dan kerancangan ekonomi kreatif menjadikan Selangor sebagai sebuah negeri kosmopolitan yang meraikan kemajmukan ini sebagai sumber keutuhan dan keharmonian rakyat.

Kerajaan ini bercadang untuk mewujudkan Kampung Budaya Selangor yang dapat menjadi pusat rujukan kepada sejarah, kebudayaan dan tradisi etnik-etnik daripada kalangan masyarakat Melayu, Cina, India dan etnik-etnik lain di Selangor.

Tanah seluas 35 ekar di tepi Sg Klang yang terletak di tengah-tengah Bandar Klang telah dikenalpasti untuk dibangunkan dengan peruntukan sejumlah RM5 juta diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Dengan inisiatif ini, kita percaya mampu meningkatkan elemen tarikan dan keterujaan terhadap projek Selangor Maritime Gateway (SMG) yang sedang rancak dibangunkan pada ketika ini.

Ahli Yang Berhormat sekalian,

Selangor telah memberikan penumpuan kepada pembangunan seni dan kebudayaan di Petaling Jaya dan Shah Alam. Inisiatif seperti Rumah Seni Selangor, Festival Tarian Petaling Jaya, Festival Chempuling dan Laman Seni 7 dan 2 telah menjadi program *signature* di dalam merencanakan pelbagai bentuk kesenian dan kebudayaan tradisi mahupun kontemporari.

Dana Kota Seni kali ini akan dikembangkan kepada dua lagi PBT iaitu Hulu Selangor dan Klang dengan dengan peruntukan sebanyak RM 1 juta. Kerajaan Negeri juga menyeru agar semua PBT dapat memperuntukkan sejumlah dana untuk memajukan sektor ekonomi kreatif di kawasan masing-masing.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Ahli Yang Berhormat,

### **Dialog Shah Alam**

Dialog Shah Alam yang akan menjadi ruang untuk tokoh-tokoh bertaraf antarabangsa menyampaikan pandangan dan pemikiran mereka dalam menangani isu-isu strategik seperti keselamatan, pemanasan global, alam sekitar dan teknologi akan diteruskan pada tahun 2020.

Program ini bukan sahaja akan menjadi platform kepada ahli akademik dan intelektual tetapi juga untuk masyarakat di negeri Selangor mendapatkan analisa terkini yang bersifat serantau dan global. Bagi tujuan ini, RM 500 ribu diperuntukkan bagi membolehkan program-program dibawah Shah Alam Dialog ini diteruskan pada tahun 2020.

### **Pembangunan Luar Bandar**

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi telah merancang untuk melaksanakan pelbagai program bagi memperkasakan institusi kampung dan desa di Negeri Selangor. Pembangunan Desa merupakan perkara yang menjadi antara fokus utama Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2020.

Selaras dengan itu, Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi juga akan melaksanakan program yang memfokuskan pemberdayaan ekonomi warga desa dan kampung tradisi serta meningkatkan taraf sosial rakyat negeri Selangor ke arah kesejahteraan negeri.

Sebagai contoh program Sarang Ekonomi Desa akan dijadikan sebagai satu inisiatif baru bagi meningkatkan taraf ekonomi dan pendapatan golongan B40 di luar bandar. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM 1 Juta bagi usaha memperkasakan pengusaha ekonomi desa serta mewujudkan ekonomi luar bandar yang berdaya saing, selaras dengan keinginan mengangkat Made In Selangor.

### **Pemantapan Agama Islam**

Kerajaan Negeri Selangor komited memantapkan agenda kemajuan agama Islam. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 375.78 juta untuk aktiviti pemantapan kemajuan agama Islam. Peruntukan ini termasuk elaun Jawatankuasa Masjid dan Surau, Peruntukan Mengurus Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Peruntukan Pembangunan JAIS

### **Penambahbaikan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**

Sebagai mercu tanda Negeri Selangor, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang turut dikenali sebagai Masjid Negeri Shah Alam adalah ikon pembangunan agama Islam di Negeri Selangor.

Dibina pada tahun 1988, masjid ini adalah masjid kedua terbesar di Asia Tenggara. Bagi memastikan keselesaan para jemaah, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 3 juta untuk menaiktaraf dan menambah baik Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Penambahbaikan ini termasuk menaiktaraf tempat letak kereta dan ruang solat. Untuk pengetahuan semua Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ini juga merupakan salah satu lokasi yang sangat tinggi pengunjungnya terutama daripada pelawat-pelawat dalam dan antarabangsa.

### **Pembinaan Masjid Baru**

Dalam merancang perbelanjaan yang optimum, agenda federalisme turut melibatkan pembinaan masjid di Negeri Selangor. Untuk itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam pembinaan dua buah masjid di Negeri Selangor iaitu yang pertama, Membina Masjid Nurul Amin, Merbau Sempak dan yang kedua, Membina Masjid Jamek Al-Hikmah, Batu 20, Kuang

### **Masjid Nurul Amin, Merbau Sempak, Sungai Buloh**

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4.45 juta bagi tujuan pembinaan semula masjid ini. Anggaran kos keseluruhan projek ini adalah sebanyak RM12.45 juta. Sehubungan itu Kerajaan Negeri akan menampung kos sebanyak RM8 juta.

### **Masjid Jamek Al-Hikmah, Batu 20, Kuang**

Masjid Jamek Al-Hikmah ini merupakan masjid baru yang akan dibina di Batu 20, Kuang dengan anggaran kos sebanyak RM11 juta. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi pembinaan masjid ini. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan menampung kos pembinaan sebanyak RM6 juta yang akan diperuntukan pada tahun 2021 sepertimana pembinaan Masjid Nurul Amin. Dan dengan terbinanya masjid ini semakin banyak masa Kuang iqtikaf didalam masjid.

### **Menaiktaraf Balai Cerap Selangor, Sungai Lang, Sabak Bernam**

Balai Cerap Selangor telah mula beroperasi sejak daripada tahun 2010 dan telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 19 Julai 2012.

Balai Cerap Selangor juga giat menjalankan kajian dan penyelidikan angkasa berhubung pergerakan dan peredaran objek samawi, kajian pembiasan ufuk serta kajian kecerahan langit yang berhubung langsung dengan ibadah harian.

Balai Cerap Selangor ini turut menjadi tempat kajian beberapa penyelidik terutamanya daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Ia juga turut menjadi lokasi lawatan khususnya pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah dan kolej serta agensi kerajaan dan swasta serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang berminat mendalami ilmu angkasa.

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Selain itu, Kerajaan Negeri memperuntukan sebanyak RM1 juta bagi tujuan penambahan prasana sebagai lambang kecanggihan dan kehebatan aktiviti pembangunan ilmu astronomi di negeri Selangor.

### Penutup

Tuan Speaker,

Belanjawan 2020 yang dibentangkan pada hari ini merupakan titik penting bagi negeri Selangor dan Malaysia merealisasikan hasrat yang digariskan oleh kerajaan selama ini.

Bagi Selangor, kita mempunyai tanggungjawab besar bagi memastikan kestabilan ekonomi dan sosial negara berkekalan. Secara khusus kita wajar melengkapkan usaha-usaha ke arah status negeri pintar terunggul menjelang tahun 2025.

Dalam masa yang sama, Kerajaan tidak melupakan semua kelompok dan golongan yang bernaung di bawah kibaran bendera Merah Kuning.

Titik keseimbangan antara pembangunan yang berteraskan ciri-ciri dalam negeri pintar atau smart state, sektor perkhidmatan dan pembuatan, dan kemampunan sosial dijalinan secara adil bagi memastikan rancangan dan pelan fiskal pembangunan kerajaan berada dalam keadaan saksama.

Sepertimana mafhum Hadis al-Bukhari, adil ditakrifkan sebagai memberikan hak kepada yang berhak, seperti petikan di sini:

“Sesungguhnya Rabbmu memiliki hak atas dirimu, dan badanmu memiliki hak atas dirimu, isterimu memiliki hak atas dirimu, maka berikanlah haknya setiap yang memiliki hak.”

Pentadbiran ini berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam mencari titik keadilan dalam sebarang pertimbangan, dan usaha ini adalah dalam rangka besar kerja-kerja pembaikan ataupun ‘Islah’.

Kita harus menginsafi betapa Allah SWT akan membantu kita dalam usaha reformasi atau ‘Islah’ ini, kerana janji-Nya seperti dalam ayat 117 Surah Hud yang berbunyi:

وَمَا كَانَ رَبُّكَ لِيُهْلِكَ الْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلِهَا مُصْلِحُونَ

“Dan Tuhanmu tidak sekali-kali hendak membinasakan mana-mana negeri dengan sebab kezaliman penduduknya, selagi mereka sentiasa memperbaiki keadaan sesama sendiri.”

Asas-asas pentadbiran yang berorientasikan keadilan serta reformasi, bersendikan integriti terus dipertahan dan pembangunan dalam konteks terkini digembleng bersama-sama agenda pemberdayaan rakyat.

## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Tuan Speaker,

Diilhami tauladan bahtera layar hebat orang-orang Bugis yang digelar Pinisi, Selangor diibaratkan bahtera yang belayar gagah di lautan luas. Pinisi dikenal kerana kelincahannya mengharungi ombak dan badai dan begitulah seharusnya Kerajaan Negeri yang mendepani cabaran dan menangani reformasi.

Kita seharusnya mampu menyesuaikan dengan keadaan dan situasi demi memastikan negeri dapat merentasi setiap dugaan dan rintangan dengan syarat bahtera kekal stabil dan utuh.

Makanya nakhoda dan anak-anak kapal harus berganding bahu memastikan layar sentiasa terkembang agar haluan bahtera tidak terpesong dari tujuan.

Begitulah arah tuju negeri Selangor menuju negeri pintar serantau menjelang tahun 2025 dan membuka langkah di tahun 2020 demi melaksanakan Wawasan Kemakmuran Bersama.

Pada 9 Oktober 2019 yang lepas, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima pengiktirafan Amalan Terbaik Pengurusan Nilai Perkhidmatan Awam sewaktu Seminar Pengurusan Nilai anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam.

Kejayaan dan pengiktirafan ini merupakan suatu bukti kesungguhan para penjawat awam di Selangor dalam menghayati budaya integriti dalam perkhidmatan mereka.

Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pasukan saya dalam pentadbiran serta politik yang terus menerus memberikan dokongan dan keyakinan dalam melaksanakan amanah yang begitu berat ini.

Sikap profesionalisme dan saling hormat-menghormati menjadi adunan penting dalam memastikan Negeri Selangor kekal unggul. Justeru sebagai menghargai sumbangan dan motivasi kepada mereka untuk meneruskan kerja baik dan meningkatkan pencapaian di masa hadapan, saya mengumumkan suatu Bantuan Khas Kewangan (BKK) berdasarkan pencapaian Key Performance Indicator (KPI) Jabatan dan Prestasi Individu anggota perkhidmatan awam sebagaimana yang diumumkan dalam Belanjawan yang lalu.

Pada BKK Kali Pertama, insentif sebulan gaji telah diberi kepada semua penjawat awam. Bagi BKK Kali Kedua, Kerajaan Negeri telah bersetuju memberikan minimum RM 500 sehingga 2 bulan gaji berdasarkan kepada prestasi Jabatan dan Individu pada 24hb Disember 2019 dengan implikasi kewangan berjumlah RM 30 juta kepada perbelanjaan Kerajaan Negeri.

Pentadbiran ini mengulangi tekad dalam Dewan Negeri yang mulia ini untuk menjamin bahawa Selangor bersedia untuk menjadi pemain utama ekonomi serantau dan menjadi Negeri Pintar Ulung serantau. Bermula di pantun, berakhir dengan pantun.

## **1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Gadis Rawang manis jelita,  
Sekali terpisah hati rawan;  
Ayuh sekalian rakyat jelata,  
Jadikan kita jagoan ASEAN

Yang Berhormat Tuan Speaker saya mohon mencadangkan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Bersesuaian dengan Peraturan Tetap 66(2) sesudah dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan Kali Yang Kedua perbahasan hendaklah ditangguhkan tidak kurang daripada satu (1) jam. Oleh itu, perbahasan ini ditangguhkan dan Dewan akan disambung semula pada **4 November 2019, jam 10.00 pagi.**

**PENYOKONG (Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM)** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Bersesuaian dengan Peraturan Tetap 66(2) sesudah dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan Kali Yang Kedua perbahasan hendaklah ditangguhkan tidak kurang daripada satu (1) jam. Oleh itu, perbahasan ini ditangguhkan dan Dewan akan disambung semula pada 4 November 2019, jam 10.00 pagi.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 5.45 PETANG)